



PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KETIGA BELAS**

Pada

PADA 8 OGOS 2016

bersamaan

5 ZULKAEDAH 1437

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS

PADA 8 OGOS 2016

bersamaan

5 ZULKAEDAH 1437

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

KANDUNGAN

| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|---------------------------|---|-------------------|
| ISNIN, 8 OGOS 2016 | | |
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 1 |
| 2. | Doa. | 5 |
| 3. | Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. | 5 |
| 3. | Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. | 11 |
| 4. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Bertulis | 12 |
| | (ii) Soalan-soalan Lisan | 13 |
| 5. | Cadangan Usul Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri. | 37 |
| 6. | Rang Undang-Undang [Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) 2016] | 41 |
| 4. | Tangguhan | 76 |
| 5. | Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis] | 77 |

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' A. Rahim bin Jusoh, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah.[Al-Fatihah dibaca]....

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Rabbisyahli sadri wa yassir li amri. Wahlul ukhdatan min li saani yafkahu qawli. Rabbi yassir wala tu'assir. Yaa Karim. Yaa Karim. Yaa Latif. Yaa Latif. Yaa Latif.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati dan tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah wasyukur lillah, marilah kita sekali lagi memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan petunjuk, kerana dengan kekuatan serta limpah kurnia-Nya juga maka dapatlah kita sekali lagi berada di Dewan yang mulia ini bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Kedua Penggal Persidangan Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Sebelum saya meneruskan kepada Tertib Pekerjaan Dewan kita pada hari ini, saya bagi pihak Dewan dan juga Kerajaan Negeri ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada bekas

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Terengganu yakni Yang Berbahagia Dato' Haji Osman bin Muda atas segala usaha, atas segala jasa dan ahsanu amalan yang telah beliau curahkan kepada Negeri Terengganu Darul Iman ini.[Tepukan sokongan]..... Kami mengucapkan 'Selamat Bersara' dan menikmati alam persaraan dalam keadaan sihat sejahtera dan sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala.

Dewan yang mulia ini juga mengucapkan tahniah dan syabas di atas pelantikan Yang Berhormat Dato' Haji Wan Nawawi bin Wan Ismail yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan yang baharu pada 3 Ogos 2016.[Tepukan sokongan]..... Begitu juga kepada Yang Berhormat Dato' A. Rahim bin Jusoh yang menjawat Pegawai Kewangan Kewangan Negeri.[Tepukan sokongan]..... Dengan ini saya mengingatkan sebagai penjawat awam yang menduduki kerusi tertinggi negeri, Yang Berhormat perlulah melaksanakan amanah yang telah diberikan sebaik mungkin, *"You are responsible, accountable, you must bare the consequences"*.

Di dalam Persidangan kita pada hari ini yakni 8 Ogos 2016, sebaik sahaja selesai ucapan daripada saya, insyaAllah akan diikuti dengan pembentangan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan. Selepas daripada itu Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 50 soalan-soalan secara keseluruhannya di mana sebanyak 27 Soalan Bertulis dan 23 soalan secara Lisan.

Seperti biasa bagi Soalan-soalan Lisan akan diperuntukkan masa selama satu jam. Dan insyaAllah, saya akan membenarkan tiga soalan tambahan bagi setiap satu Soalan Lisan yang dikemukakan sebagaimana Fasal 27(5) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri Terengganu dan keutamaan saya akan berikan kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan asal. Tetapi saya akan menolak soalan tambahan sekiranya tidak mematuhi hak membuat soalan sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 27(6).

Tertib Pekerjaan seterusnya ialah Rang Undang-Undang. Pihak pentadbiran Dewan telah menerima satu Rang Undang-Undang iaitu Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) 2016 untuk dibentang, dibahas dan insyaAllah akan diluluskan di dalam sesi kali ini.

Dan sekali lagi insyaAllah, saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap selama 15 minit bagi setiap orang dan kepada

penyokong enakmen, insyaAllah saya akan beri masa untuk berucap lebih lama yakni 20 minit. Kepada Yang Berhormat yang ingin berucap atau berbahas, saya mohon benar-benar untuk mematuhi peraturan-peraturan berbahas sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 46 yang merangkumi bagaimana tatacara untuk mencelah dan mendapat kebenaran untuk berucap dan sebagainya.

Saya sekali lagi mengajak sebagaimana yang sentiasa saya lakukan, saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk kita menjaga setia kawan sesama kita. Marilah kita sama-sama mewujudkan tunjangan Ar-rahman Ar-rahim di dalam Dewan yang mulia ini. Marilah kita wujudkan suasana aman dan tenteram dalam Dewan yang berpaksikan kepada ukhwah Islamiah ini.

Marilah kita junjung ingatan Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Ali-Imran Ayat 103 yang bermaksud: "Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika dahulu (semasa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu kerana nikmat Allah, menjadilah kamu orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang Neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.

Dan banyak hadis-hadis yang boleh kita jadikan pedoman dan betapa ikatan yang hebat ini perlu kita laksanakan di dalam Dewan yang mulia ini. Marilah kita hayati bersama pedoman hadis Riwayat Tayalisi, Hakim, Tabarani dan sebagainya yang bermaksud: "Ikatan iman yang paling teguh ialah setiakawan demi Allah dan berkonfrontasi demi Allah, berkasih-sayang demi Allah, benci pun demi Allah."

Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu'alaihi Wassalam amat mengutamakan hubungan antara muslim sebagaimana dalam Hadis Riwayat Muslim yang bermaksud: "Seorang Muslim itu adalah saudara bagi Muslim yang lainnya. Ia tidak boleh menzaliminya, merendharkannya dan tidak pula boleh meremehkannya. Taqwa adalah di sini. (Beliau menunjuk dadanya sampai tiga kali). Kemudian beliau bersabda lagi: "Cukuplah seseorang dikatakan buruk bila meremehkan saudaranya sesama muslim. Seorang Muslim terhadap Muslim lain; haram darahnya, kehormatan dan hartanya".

Perumpamaan kaum muslimin-muslimat satu dengan yang lainnya dalam hal saling mencintai, saling menyayangi dan saling berlemah-lembut di antara mereka adalah seperti satu tubuh. Apabila salah satu anggota badan sakit, maka semua anggota badannya juga merasa demam dan tidak boleh tidur. Itulah hadis riwayat Bukhâri dan Muslim.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan. Dalam Quran Surah Al-Maaidah disebut yang bermaksud: "Dan tolong-menolonglah kalian dalam melaksanakan kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan."

Dalam Surah Al-Anfal juga disebut: "Bertakwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan di antara kamu, serta taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya, jika betul kamu adalah orang-orang yang beriman."

Dan Surah Asy-Syura jelas disebut: "Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah-belah tentangnya." Dan dalam Surah Al-Hujarat disebut: "Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Banyak hadis yang saya petik dan insyaAllah saya akan edarkan jikalau sempat. Tapi apa yang saya nak nyatakan di sini marilah dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya selama ini kita mempunyai ketenangan, keamanan yang boleh kita banggakan. Alhamdulillah.

Dan ingatlah, dalam Surah Al-Fushilat dalam ayat yang ke-13 yang bermaksud: "Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumannya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang kawan karib." Dan seterusnya, ayat yang ke-35 yang bermaksud: "Dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang-orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang mempunyai kebahagiaan yang besar dari kebahagiaan dunia dan akhirat."

Dan Surah Yasin jelas memberi peringatan kepada kita yang bermaksud: "Sesungguhnya peringatan dan amaran (yang berkesan dan mendatangkan faedah) hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang sedia menurut ajaran Al-Quran serta ia takut (melanggar perintah Allah) Ar-Rahman semasa ia tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Tuhan. Oleh itu berilah kepadanya berita yang mengembirakan dengan keampunan dan pahala yang mulia."

Saya cukup yakin bahawa Ahli Yang Berhormat sekalian dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan yang bermakna untuk agama, bangsa dan negara, insyaAllah. Jadi nasihat saya sekali lagi secara ikhlas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pastikan Tertib Peraturan Dewan Undangan Negeri Terengganu dipatuhi dan semasa perbahasan diucapkan, diungkapkan jagalah tatasusila kita semua agar tutur kata kita menjadi molek-molek belaka. Marilah kita sama-sama mengelakkan perkara-perkara yang kita ungkapkan yang boleh menyakitkan hati rakan-rakan taulan kita dan kita pastikan kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang mewakili rakyat, buatlah terbaik untuk rakyat Terengganu Darul Iman.

Seperti biasa persidangan kita pada hari ini disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang dari segenap lapisan. Saya mengambil kesempatan di sini mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati yang ramai pada hari ini yang memohon sebanyak 657 orang dan kalau saya nak baca terlalu ramai, saya hanya baca jumlah permohonan yang ramai sahaja iaitu:-

- Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman - 236 orang.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Telemong - 55 orang.
- UMNO Bahagian Kuala Nerus – 12 orang.
- Wakil DUN Kota Putera - 25 orang.
- PERMATA – 70 orang.
- Wakil DUN Pengkalan Berangan – 10 orang.
- UMNO Marang – 30 orang.
- Pemuda UMNO Kuala Berang – 15 orang.
- Wakil DUN Kemasik – 30 orang.
- Wakil DUN Jabi – 10 orang.
- Maahad Darul Quran Rusila – 20 orang.
- MEKEM UiTM – 29 orang.

Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa apa yang kita lakukan dalam Dewan yang mulia ini akan menjadi ikutan, turutan dan pemerhatian kepada semua yang hadir terutamanya dalam kalangan pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah, jadi lakukan yang terbaik supaya tidak dinilai negatif oleh mereka.

Dan saya ingin mengingatkan bahawa Dewan yang mulia ini tidak membenarkan sebarang rakaman yang tidak rasmi dilakukan di dalam Dewan yang mulia ini. Dan semua warga Dewan diminta mematuhi peraturan-peraturan berpakaian dan saya mohon supaya telefon diletakkan dalam 'mode senyap' agar tidak mengganggu Sidang Dewan pada kali ini.

Akhir kata 'Selamat Bersidang', mudah-mudahan Persidangan kita pada kali ini akan terus menjadi aman, akan terus menjadi lebih tenang, lebih cemerlang sehingga kita semua diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala duniawi dan ukhrawi.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:-

1. Penyata Kewangan Tahun 2014 Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.

(D.U.N. Bil.6/2016)

2. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2015 (Siri 1).

(D.U.N. Bil.7/2016)

3. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Terengganu Tahun 2015.

(D.U.N. Bil.8/2016)

4. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2015 Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

(D.U.N. Bil.9/2016)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:-

1. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
2. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
4. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)
5. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)
6. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)
7. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
8. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
9. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
10. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah ahli-ahli yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)
3. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor
(Wakil Langkap)
4. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
5. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
6. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
7. Y.B. Mohd Iskandar bin Jaafar
(Wakil Jabi)
8. Y.B. Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
9. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
10. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

11. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
12. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)
13. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)
14. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
15. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
16. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
17. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Air Putih untuk mengemukakan soalan. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu –

Sepanjang tahun 2015, berapa ramaikah pelajar cemerlang yang telah ditaja oleh Yayasan Terengganu untuk belajar ke luar negara dan adakah ia akan diteruskan untuk tahun 2016?

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-

ahli Yang Berhormat serta para Pemerhati. Soalan daripada Air Putih yang berbunyi: Sepanjang tahun 2015, berapa ramaikah pelajar cemerlang yang telah ditaja oleh Yayasan Terengganu untuk belajar ke luar negara dan adakah ia akan diteruskan untuk tahun 2016?

Penajaan untuk tahun 2015, untuk pengetahuan Sidang Dewan, seramai 85 orang yang mana diperincikan untuk ke luar negara, Jordan, Ukrida, Jerman dan sebagainya seramai 53 orang. Dan termasuk Persediaan Ke Luar Negara di KYUEM dan Persediaan di Semenyih untuk belajar di Nottingham University, GMI dan juga di TATIUC seramai 32 orang. Jadi keseluruhannya 85 orang.

Dan untuk tahun 2016, insyaAllah Kerajaan akan meneruskan tetapi di sini kita syaratkan kepada pelajar-pelajar yang menerima tawaran dan telahpun mengikuti Persediaan bagi tahun 2014 dan 2015 berdasarkan Peperiksaan SPM 2013 dan 2014. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Pengkalan Berangan. Sila soalan tambahan pertama daripada Air Putih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, mungkin Kerajaan boleh bagi maklumat lebih *detail* dengan izin, berapa ramaikah pelajar yang kita hantar ke luar negara, *err....* kalau saya mintak *gostan* sikit ke belakang dengan izin, bermula dari 2010 sehingga 2016. Saya dapat maklumat yang Yayasan ada maklumat yang terbaru. Dan berapakah kos perbelanjaan yang telah kita guna untuk menghantar pelajar-pelajar sejak 2010 ini. Dan kalau boleh, kalau Kerajaan ada maklumat boleh juga kongsi dengan kita jurusan yang diambil dan juga negara mana, kalau ada maklumatlah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Air Putih. Jumlah keseluruhan pelajar tajaan Yayasan Terengganu yang belajar di luar negara, kita undur sikit bermula dari tahun 2010 hingga 2016 adalah seramai 595 orang yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM59,527,282.80.

Perincian pelajar mengikut negara, kalau saya nak sebut banyak (595 orang) ni. Cuma kalau saya boleh sebut daripada pelbagai negaralah. Negara-negara yang

terlibat seperti Mesir, Jordon, Morocco, Indonesia, United Kingdom, Amerika, Australia, Jerman dan juga Rusia. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Pengkalan Berangan. Soalan tambahan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jabi dulu dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, kita bagi Jabi dulu, kemudian kita beri kepada Paka.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak ucap tahniah jugaklah kepada Exco yang bertukar portfolio ni, insyaAllah lebih cekaplah. Jadi boleh dok pihak Kerajaan beri penjelasan sikit berkenaan dengan peminjam-peminjam pelajar tajaan kita ini, nak tahu berapa ramai sekarang ini yang aktif bayar pinjaman yang mereka dapat daripada Yayasan Terengganu dan juga selain daripada yang aktif bayar dan yang aktif tidak bayar dan tunggakan berapa sehingga tahun 2016? Mohon penjelasan Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bilangan pelajar yang aktif dan tidak aktif bayar ni, ini memang menjadi isulah. Jumlah pelajar yang aktif membuat pembayaran balik pinjaman ke Yayasan Terengganu setakat ini seramai 5,657 orang yang aktif. Yang tidak aktif lebih besar iaitu seramai 14,418 orang. Dan bagi tahun 2016, pihak Yayasan Terengganu telah membuat kutipan secara aktiflah, alhamdulillah, kutipan tahun 2016 sebanyak RM11,699,000.00 (sehingga Julai).

Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh pihak Yayasan Terengganu kerana *keliatan* peminjam-peminjam kita untuk membayar balik ini sehinggakan sehingga hari ini, kalau nak kira tunggakan yang patut dibayar iaitu

RM109,441,530.00 hutang yang tertunggak yang belum dijelaskan mengikut jadual bayaran. Yang aktif, kalau daripada sini, kalau ikut pecahan mereka yang aktif setelah mereka ini diambil tindakan sama ada secara bersurat, ada yang kena saman dan sebagainya, insyaAllah pada tahun 2016 ini pihak Yayasan Terengganu kita jangkakan dapat buat *target* kutipan oleh Yayasan sebanyak RM25 juta. Setakat ni baru RM11 juta sehingga Julai. InsyaAllah, pihak Yayasan akan ambil tindakanlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan. Soalan tambahan yang terakhir. Paka sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya bangun dulu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Paka. Bukan soal siapa bangun dulu, soalnya siapa Speaker nampak dulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Yang pertama, saya ucap tahniahlah sebagaimana ADUN Jabi sebut tadilah pertukaran Exco baru yang dikatakan lebih cekap. Dah *bakpe* hak dulu tak cekap ke *guana*?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan tambahanlah, selit hak pelik *sokmo* ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Habis giliran dah, Jabi duduklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang pertamanya, saya ingin mendapat penjelasanlah sebab yang disebut 2010 dulu. Berdasarkan penjelasan dalam Dewan ini, Exco yang dulu, dalam Sidang Dewan yang lepas ni saya tanya dah,

peruntukan kepada Yayasan tahun 2015 lebih kurang RM79 juta, peruntukan 2016 ni lebih kurang RM40 juta. Dan kita dah tanya, apakah pelajar yang cemerlang pada 2016 ini akan diberi tajaan oleh Yayasan Terengganu? Maknanya disebut tiada. Untuk tahun ini tidak ada tajaan. Maknanya pelajar-pelajar kita yang cemerlang SPM tahun ini tidak ditaja untuk belajar ke luar negara, hak lepas-lepas disebut beratus-ratus juta tu hak lepas, hak tahun ni macam mana?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, soalnya Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, soalnya adakah betul? Nampaknya satni ni macam tidak menjawab persoalan ni. Yang turutan daripada itu, saya nak tanya jugak Yang BERTHORMAT Excolah maknanya berdasarkan laporan Jawapan Bertulis ni, perbelanjaan untuk Duit Raya kita bahagi ni lebih kurang RM81 juta. Maknanya mana lebih *aula* kita beri kepada pelajar cemerlang ni untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi berbanding kita bahagi Duit Raya ni? Sila Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua soalan ke satu soalan tu? Terima kasih Paka. Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Paka. Yang sebenarnya Yang BERTHORMAT Ajil beritahu dalam sesi penggal lepas tu betullah tu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Maknanya tidak ada penajaan tahun ini?

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dia Yang BERTHORMAT Paka

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok, gitu aje Yang BERTHORMAT ada ke dok?

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dengar dulu

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah Ajil khabor *takdok*.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Adalah

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jangan main ada, adalah gitu.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Adalah, nanti nak terang ni, sila duduk. Apa yang payah sangat ni. Okey.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar, sabar, pagi-pagi ni. Terus kan dulu dengan agenda yang baik, jangan kita cepat melatah.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tajaan untuk tahun 2016 diteruskan. Dengar molek neh, *kegikan salloh* pulak tu. Tajaan untuk tahun 2016 diteruskan kepada pelajar yang menerima tawaran yang buat persediaan sebelum ini. Mereka ini adalah terdiri daripada pelajar yang mendapat kecemerlangan tahun 2014, SPM-lah. Dan juga 2015

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak yang saya tanya tadi jelas 2016, *bakpe gi khabor* 2014, 2015.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Laa-ila ha-illallah, duduk dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Khaborlah takdok, takdok* peruntukan kan senang.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): 2016, kita tidak ada. Haa, betul tu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Khaborlah* jelas, *'takdok'*. Maknanya Yayasan Terengganu *dok* taja dah tahun ini, *takdok* duit, *khaborlah gitu*.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Jangan cakap gitu *takdok* duit, adalah cara lain tu. Okey, jelas belaka.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Itulah soalan saya tadi, Kerajaan belanja RM81 juta mana lebih *aula* pasal tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, satu soalan cukup dah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya satu soalan *straight jer, takdok koma* Yang BERTHORMAT Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu soalan aje. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okeylah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Y.B. Air Putih, kepada Y.B.-Y.B. yang bertanyakan soalan dan yang menjawab soalan, Y.B. Pengkalan Berangan. Seterusnya, kita pergi kepada ADUN Rhu Rendang atau wakilnya, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Sila nyatakan senarai projek-projek Kerajaan Persekutuan yang dibiayai bersama oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan status terkini pembayaran baliknya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besar, Ahli-ahli Yang BERTHORMAT, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil media serta para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Wakil Rhu Rendang ada bertanyakan tentang senarai projek-projek Kerajaan Persekutuan yang dibiayai bersama oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan status terkini pembayaran baliknya?

Memang ada projek-projek yang dibiayai bersama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Dan saya ada senarai ada dua-tiga projek yang saya nak baca di sini. Antaranya; Program Penyelenggaraan Rumah Flat di Kampung Fikri, Kemaman. Kos projek sebanyak RM4.539 juta yang mana Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM4.085 dan Kerajaan Negeri membelanjakan RM453,000.00.

Seterusnya, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia Taman Sri Kolam, Kuala Terengganu. Kos projek adalah sebanyak RM1.726 juta yang mana Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM1.563 dan Kerajaan Negeri membelanjakan RM162,900.00.

Seterusnya, Projek KT Bypass yang mana Kerajaan Persekutuan membelanjakan sebanyak RM167,869,123.00 dan Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM5.6 juta.

Seterusnya, Projek Bekalan Elektrik di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu. Perbelanjaan daripada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM25 juta dan Kerajaan Negeri sebanyak RM25 juta, dia perkongsian 50-50.

Seterusnya, Pembinaan Masjid di Kg. Nyior Tujuh, Besut, Terengganu. Perbelanjaan daripada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM1.5 juta dan Kerajaan Negeri sebanyak RM1 juta.

Seterusnya, Pembinaan Terminal Bas Ekspres di Kertih, Kemaman, Terengganu yang mana Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM2 juta dan Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

Seterusnya, Projek Rimbunan Kasih, Dungun, Terengganu. Kos keseluruhan adalah sebanyak RM25.650 juta. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM23 juta dan Kerajaan Negeri RM2.65 juta.

Akhir sekali, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Kuala Paka, Dungun, Terengganu yang mana Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM150 juta dan Kerajaan

Negeri memperuntukkan sebanyak RM2.053 juta. Namun begitu, kesemua projek pembiayaan bersama ini tidak melibatkan proses pembayaran balik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Macam mana kategori yang kita letakkan seperti LPT yang Kerajaan Negeri menggunakan RM1.8 bilion ataupun Projek Kastam dan juga Pulau Bebas Cukai di Kenyir. Mintak penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Untuk makluman Wakil Paka yang mewakili Wakil Rhu Rendang. Pembinaan LPT merupakan projek di bawah seliaan Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan di bawah peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingin mendapat penjelasan tentang istilah Dana Khas yang disebut oleh Yang Berhormat Exco tadi kerana kita dimaklumkan di dalam Dewan ini beberapa kali bahawa sebahagian daripada wang royalti minyak Negeri Terengganu telah digunakan untuk pembinaan LPT2 ini begitu juga pembinaan Bebas Cukai di Kenyir Terengganu. Begitu juga pendedahan yang dibuat oleh bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Dewan ini bahawa Syarikat Perumahan Negara juga menggunakan wang royalti Negeri Terengganu lebih daripada RM700 juta untuk membina rumah-rumah di luar Terengganu iaitu di Johor, Pahang, Negeri Sembilan dan beberapa negeri yang lain. Jadi saya pohon penjelasan adakah Kerajaan Negeri telahpun membuat permohonan untuk mendapatkan balik sebahagian daripada wang royalti Negeri Terengganu yang digunakan untuk negeri-negeri lain dan juga projek-projek Persekutuan yang digunakan di Negeri Terengganu ini sendiri. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Untuk makluman Wakil Batu Burok, permohonan itu memang telah dibuat dan dalam proses perbincangan. Dalam makluman saya sebagai contohnya yang telah mula dibayar adalah wang royalti yang digunakan untuk membina rumah-rumah di negeri lain yang mana Kerajaan Negeri Terengganu sekarang telah mendapat sebahagian daripada perbelanjaan yang telah digunakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka ke Bukit Payong ni? Okey, sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Berasaskan kepada projek-projek Kerajaan Persekutuan yang begitu banyak yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri, saya nak mendapat maklumat secara jelas bermula daripada 2010 sebab yang cakap tadi 2010 sehingga 2016 ni sudah berapa banyak jumlah wang Kerajaan Negeri Terengganu atas nama Dana Khas yang telah dibelanjakan untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan? Dan tadi ada disebut tentang perumahan. Apakah usaha yang dilakukan untuk memperolehi balik dan apakah secara mudahnya apakah sikap lain kali maknanya lain kali adakah Kerajaan akan buat polisi yang sama maknanya projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan bagi sama duit? Dalam keadaan kita lihat begitu sukar untuk dapat balik bila digunakan duit Dana Khas atau duit rakyat khususnya RM1.8 juta – LPT yang begitu sukar untuk kita dapat balik duit-duit itu semua. Jadi saya minta berapa sebenarnya jumlah keseluruhan termasuk yang Yang Berhormat Paka sebut tadi bab Kastam, adakah betul Kuarters Kastam, bangunan Kastam di Zon Bebas Cukai itu digunakan duit Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak Wakil Bukit Payong. Tadi dalam soalan yang ditujukan oleh Rhu Rendang tidak dinyatakan tentang spesifik tarikh. Jadi Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tapi disebut senarai-senarai projek, jelas tu soalan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Senarai projek ini adalah masa yang terdekat. Jadi

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Saya mohon Dato' Yang Dipertua untuk membantu. Saya mohon keizinan untuk menjawablah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan juga wakil-wakil jabatan, Pemerhati serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Jadi yang sebenarnya untuk yang lebih ataupun perbelanjaan yang telah digunakan melalui peruntukan Duit Ehsan Kerajaan Negeri sebelum ni dah selesai kerana kita telah menerima pulangan balik bermula 2011 sebanyak RM200 juta dan 2012 – RM200 juta, 2013 – RM220 juta, 2014 – RM220 juta, 2015 – RM220 juta dan 2016 – RM220 juta. Jadi semua perbelanjaan ini telah diberi komitmen oleh Kementerian Kewangan (Kerajaan Pusat) dan akan selesai pembayarannya menjelang 2019. Dan insyaAllah tentang RM1.85 bilion yang telah dibelanjakan untuk kegunaan LPT itu telah diberi komitmen oleh Kementerian Kewangan untuk dijelaskan. Cuma mekanisma dan cara untuk menyelesaikannya sedang dalam perbincangan dan alhamdulillah, bayaran pertama RM118.5 juta telah dibayar oleh Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri dan insyaAllah kalau tidak ada aral kita cadangkan RM118.5 juta ini digunakan untuk menaiktaraf Jalan Awana Kijal yang daripada dua *lane* kepada empat *lane* bagi memastikan Jalan Pesisir Pantai dengan izin, *Coastal Road* kita daripada Kemaman sampai ke Kuala Terengganu akan dapat kita jadikan sebagai satu lagi alternatif disebabkan untuk menarik dari segi industri pelancongan maka ada satu lagi alternatif selain daripada LPT, kita ada *Coastal Road* yang mempunyai empat *lane* atau empat lorong, insyaAllah, ini akan menjadi pemangkin kepada ekonomi Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta penjelasan kepada apa yang Yang Amat Berhormat sebut tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, banyak dah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan soalan, nak minta penjelasan saja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih dah, lebih dah. Terima kasih. Terima kasih banyak Paka. Kita pergi kepada Soalan Lisan daripada Langkap. Silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Mohon pihak Kerajaan Negeri menyenaraikan usaha-usaha bagi memulihkan nilai saham ASDI? Keadaan ini kerana Amanah Saham Darul Iman ini merupakan amanah saham yang menjadi kebanggaan rakyat Terengganu.

Terima kasih.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Langkap, saya mengucapkan setinggi ucapan terima kasih kerana soalan ini berkaitan dengan ASDI. Nilai saham ASDI dan bagaimana Amanah Saham Darul Iman ini yang telah kita buat transformasi ataupun bagaimana untuk kita nak menjadikan ASDI ini sebagai saham yang boleh membantu dan juga menjadi kebanggaan rakyat. Dan kita menjadi rasa amat bangga kerana inilah sahaja satu-satunya saham negeri yang masih mampu bertahan kalau nak dibandingkan dengan amanah saham negeri yang lain.

Jadi antara langkah yang telah diambil kerana sebelum ini kita banyak menggunakan konsep *'Money Market'* dengan izin, ataupun pelaburan dalam ekuiti tapi sekarang ini kita sudah mula membuat perubahan termasuk melaksanakan penyusunan semula strategi bagi struktur pelaburan Tabung ASDI dengan mempelbagaikan portfolio melalui pelaburan dalam *instrument* yang memberikan pulangan tetap seperti Bond Kerajaan dan Saham Hartanah dan tidak hanya tertumpu kepada pelaburan dalam ekuiti dan *'Money Market'* dengan izin, sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila soalan tambahan pertama sekiranya ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapakah portfolio yang terlibat dengan pelaburan ASDI? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Langkap. Jadi untuk menjawab soalan ini iaitu berkait dengan jumlah portfolio yang terlibat. Ada sebanyak 69 pegangan saham yang terlibat dengan pelaburan ASDI. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan kedua. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berapakah portfolio yang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi Bandar dulu. Nanti saya bagi sekali lagi. Terima kasih Langkap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Biar saya tolong *tanyo deh*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingin maklumat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan portfolio yang dikeluarkan dalam prospektus terakhir kalau tak silap saya. ASDI menyatakan nilai terkini adalah 23 sen se saham, nilai. Dan tadi ada diberitahu portfolio pelaburan utama adalah

dalam bentuk sekuriti-sekuriti kerajaan termasuk *bond* dan sebagainya. Saya nak tanya berkenaan dokumen yang ada di depan kitalah, yang lain tu kita tak tahu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak tanya Yang BERTHORMAT Bandar dulu, asal dulu berapa masa lancar dulu?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Seringgit.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Seringgit dah lening sampai 23 sen?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi ini perkara yang ada di depan mata yang boleh kita merujuklah, yang kita tak boleh rujuk tu kita tak boleh buat apa. Dato' Yang Dipertua, saya tengok, saya minta kalau boleh Ahli Dewan tengok Penyata Kewangan yang kebetulan Penyata Kewangan MAIDAM ada bagi ke kita, di muka surat 1 dalam Penyata Kewangan dia

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap, kejap ya.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): MAIDAM.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni berkenaan dengan ASDI ke ni?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak tanyalah, ada kaitan dia supaya orang kata tidak cakap merapu. Di muka surat 1 Dato' Yang Dipertua, ada di bawah Aset Semasa, Pelaburan AI-Mudharabah. Maksudnya MAIDAM ada buat pelaburan sebanyak RM398 juta hampir kepada setengah bilion kalau tengok keseluruhannyalah, ikut tahun dan juga ikut *flowback system* dalam sistem analisa. Saya nak tanya Kerajaan Negeri, oleh kerana kata ASDI tadi yang boleh bertahan sehingga kini satu-satunya, yang lain tidak boleh bertahan walaupun nilai telah jatuh di lopak. Jadi kenapa daripada beberapa tahun yang lalu tidak mengarahkan MAIDAM untuk menggunakan dana yang sebesar ini walaupun MAIDAM sepatutnya tidak boleh menyimpan sebesar ini dari segi wang kutipan zakat. Sepatutnya digunakan untuk diagihkan kepada asnaf

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalnya Bandar, soalan, soalan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Soalnya kenapa portfolio-portfolio ini tidak dijana oleh agensi-agensi di Negeri Terengganu untuk membolehkan ASDI ni sepatutnya dalam tempoh yang begitu panjang kewujudannya tidak bolehlah, tidak munasabahlah kedudukannya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Bandar, cukuplah, faham dah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi saya nak tanya, apakah pertimbangan yang Kerajaan Negeri ambil untuk menyelamatkan ASDI sekarang? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Bandar. Saya pun tak berapa jelas jugak dengan soalan. Tadi nampak dia pergi ke MAIDAM, jadi

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau nak saya ulang sekali lagi, boleh.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Jadi sekarang ini sebenarnya memanglah apabila ASDI dilancarkan tidak lain dan tidak bukan aspeknya adalah untuk tabungan kepada rakyat. Dan kalau melihat daripada pulangan dividen yang telah diperolehi oleh pelabur-pelabur kebanyakannya sudah mendapat pulangan modal. Walaupun kalau kita melihat nilai dah susut, ini merupakan senario ini bukan hanya ASDI sahaja yang mengalaminya, bahkan boleh dikatakan keseluruhan sehinggakan boleh dikatakan dalam Bursa Saham sendiripun kita sedia maklum bahawa ini adalah keadaan fenomena. Tetapi dalam aspek kita mempertahankan saham ini, ini adalah satu kejayaan kerana kalau kita melihat dengan apa yang berlaku, banyak orang yang dah menjual dan akhirnya kerugiannya itu akan lebih tinggi berbanding kita simpan. Dan insyaAllah, kerana kita melihat berdasarkan nilai aset bersih atau NAB

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...[Bangun]....

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Biar saya jawab dululah. Biar saya jawab dulu. Berdasarkan nilai NAB tabung sehingga 21 Julai 2016 ialah RM153.1 juta atau NAB seunit ialah RM31.46 sen. Perbandingan NAB pada awal tahun kewangan 1 November 2015 dan prestasi kalau kita melihat 1 November, RM149.17 juta, 21 Julai 2016 – RM153.1 juta, jadi kita dapati bahawa *variant* dia telah meningkat kepada RM3.92 juta dengan memberikan peratusnya 2.63. Jadi, maka NAB seunit 1 November 2015 adalah 0.3133 dan 21 Julai 2016 – 0.3146, jadi *variant* dia adalah 0.0013 memberikan nilai 0.42 peratus. Jadi ini menampakkan bahawa ada peningkatan dalam NAB ASDI dan NAB seunit yang masing-masing 2.63 peratus dan 0.42 peratus. Prestasi ini kalau kita lihat amat baik berbanding dengan penanda aras prestasi iaitu Indeks FBMKLCI dan Indeks FBM Syariah Bursa Malaysia yang masing-masing menurun kepada 0.49 peratus dan 1.63 peratus. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat, Wakil Seberang Takir. Sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan ke apa ni?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan saya tak bagi dah, cukup dah. Saya nak bagi kepada Langkap pulak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan tak apa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit aje. Saya mencelah ni bukannya untuk menyanggah tapi saya tengok ASDI ni memerlukan satu penyelamatan atas sebab kata nilai susut tu begitu ketara. Dan saya rasa keupayaan Kerajaan Negeri, ada. Tapi saya musykil ni Dato' Yang Dipertua, kenapa tidak digunakan untuk

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Bandar, nanti Kerajaan Negeri berundinglah tengoklah macam mana. Cukuplah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ia tak boleh berunding.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh berunding.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Perkara ini tak boleh berunding, perkara ini kena diberi penjelasan dalam Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa. Tadi penjelasan daripada Seberang Takir sudah jelas, panjang dah. Saya rasa cukup dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak, saya nak tanya adakah betul ni Kerajaan Negeri nak menyelamatkan ASDI, kalau betul ada cara dia. Sebab duk cerita *variant* saja

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Tak apa, insyaAllah Bandar boleh, kita tak ada masalah kerana prinsip Kerajaan Negeri adalah inklusif. Jadi mana-mana pihak yang ingin membantu dan memberi idea, kita dengan terbuka, kita akan menerima pandangan-pandangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi nak menyelamatkan ASDI lah.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: InsyaAllah, insyaAllah. Kita akan pastikan dan Saham Amanah ini bukan satu perkara yang mudah tetapi dengan kita boleh bertahan begini, ini suatu kejayaan yang besar sebenarnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Terima kasih kepada ADUN Bandar. Soalan tambahan Langkap. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan mudah aje, saya malas nak merapu. Berapakah portfolio yang memberi keuntungan kepada ASDI? Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kemas Langkap, soalan tu kemas.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Langkap. Jadi untuk pengetahuan untuk semua sekalilah bahawa portfolio yang telah memberi keuntungan iaitu daripada 69 portfolio kita yang telah terlibat, ada sebanyak 27 kaunter yang telah memberikan keuntungan kepada kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Boleh tanya lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah. Panjang dah ni. Tanya masa minum air kekgilah, bincang macam mana. Okey, seterusnya Batu Burok. Sila untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua –

Apakah perkembangan kedai makanan segera Chicken Cottage yang beroperasi di United Kingdom dan Eropah dan apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka lebih banyak lagi cawangan Chicken Cottage seperti yang telah dibuka di Bandar Kuala Terengganu?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Terima kasih kepada Wakil Batu Burok. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, wakil-wakil media, saudara-saudara dan saudari-saudari yang saya hormati sekalian.

Berkait soalan yang ditanya oleh Wakil DUN Batu Burok: Apakah perkembangan kedai makanan segera Chicken Cottage yang beroperasi di United Kingdom dan Eropah dan apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka lebih banyak lagi cawangan Chicken Cottage seperti yang telah dibuka di Bandar Kuala Terengganu?

Jadi untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua dan sidang hadirin sekalian, ketika ini terdapat 104 buah outlet Chicken Cottage termasuk 88 buah outlet yang berada di United Kingdom (UK). Jumlah pendapatan bagi operasi Chicken Cottage di UK dan Eropah bagi tahun kewangan 31 Disember 2015 juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18 peratus jika dibandingkan dengan tahun 2014.

Ya, Kerajaan Negeri melalui Terengganu Incorporated merancang untuk membuka outlet baru di seluruh Malaysia di masa yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Chicken Cottage ini dibeli pada akhir tahun 2013 dengan harga hampir RM25 juta dengan kita memperolehi ataupun membeli 70 peratus kepentingan syarikat makanan segera Chicken Cottage ini sendiri, 70 peratus. Jadi saya ingin mendapat penjelasan di Dewan yang mulia ini tentang terma-terma perjanjian di antara Syarikat Chicken Cottage ini dengan Kerajaan Negeri Terengganu ini sendiri ataupun anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu iaitu TI Global Food Holding Limited yang memeterai perjanjian dengan Chicken Cottage ini sendiri. Saya difahamkan terlalu banyak permasalahan dari segi *management* dengan izin, terlalu banyak permasalahan tentang *cash flow* dengan izin

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Setiap andaian perlu ada satu dokumen

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya pohon penjelasan tentang apa yang sedang diperkatakan dengan izin, *in the market* sekarang ini tentang apa yang dibeli oleh Kerajaan Negeri

Terengganu ini agar kita mendapat kepastian yang jelas kerana di Dewan yang mulia ini juga bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan bahawa kita akan mendapat pulangan yang begitu besar nilai aset syarikat lebih daripada RM1 bilion dan dijangkakan pada tahun pembelian sehingga 2018 nilai aset akan bertambah sehingga RM2 bilion, ia suatu jumlah yang begitu besar diperjelaskan di Dewan yang mulia ini. Jadi pohon penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila.

YANG AMAT BERTAMBAH HORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Batu Burok yang nak mengetahui tentang perkembangan Chicken Cottage kita. Jadi untuk pengetahuan yang berkaitan dengan terma-terma itu, saya perlukan notislah kerana saya pun tidak ada persediaan untuk menyatakan tentang terma-terma. Cuma saya nak menekankan di sini bahawa bukan satu perkara yang mudah untuk membawa operasi Chicken Cottage yang berada di luar negara untuk kita laksanakan di dalam negara. Dan untuk pengetahuan sidang hadirin sekalian bahawa jumlah outlet yang kita ada buat masa setakat ini iaitu outlet di UK (United Kingdom), kita ada 88 dan outlet di luar United Kingdom ada 16 jadi jumlah outlet kita ada 104 buat masa sekarang. Di Kanada ada satu, di Belgium ada satu, di Itali ada satu, di Algeria ada satu, di Libya ada satu, di Iraq ada lima, di Pakistan ada lima, di Malaysia di Kuala Terengganu ada satu dan jumlah outlet yang saya sebut tadi ada 16 di luar dan jumlah pendapatan bagi operasi Chicken Cottage di UK dan di Eropah, pendapatan kita pada tahun 2014 kita memperolehi £2,073,566 dan pada tahun 2015 kita dapat £2,437,944. Jadi bermakna kita memperolehi keuntungan sebanyak RM364,378, perbezaan peningkatan pendapatan kita iaitu sebanyak 18 peratus. Dan perancangan kita untuk membuka outle baru insyaAllah dalam masa tiga tahun di UK dan juga di Eropah kita bercadang untuk membuka 10 outlet dan bandar-bandar besar seperti Lembah Klang, Johor Baharu, Penang dan Melaka insyaAllah dalam masa lima tahun kita membuat *planning* atau perancangan sebanyak 50 outlet baru akan dibuka di seluruh Malaysia dalam masa lima tahun. Sekian, terima kasih.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Saya rasa cukup dah untuk soalan ini sebab ada masa sikit lagi, saya nak bagi kepada insyaAllah, seorang ataupun dua lagi Yang Berhormat. Terima kasih banyak Batu

Burok. Terima kasih banyak Seberang Takir. Seterusnya, saya mempersilakan Kota Putera untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Berapakah peruntukan dari Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui Jabatan Pendidikan Negeri dalam membantu kecemerlangan akademik Negeri Terengganu pada tahun 2016?

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Dipertua. Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati serta rakan media.

Soalan daripada Kota Putera yang berbunyi: Berapakah peruntukan dari Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui Jabatan Pendidikan Negeri dalam membantu kecemerlangan akademik Negeri Terengganu bagi tahun 2016?

Jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM2.3 juta. Peruntukan ini secara keseluruhannya digunakan bagi cetakan Bahan Kecemerlangan Akademik 2016 melibatkan untuk Peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan juga STPM. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan. Sila untuk soalan tambahan pertama.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya, RM2.3 juta untuk 2016 mungkin mengambil kira setengah tahun pertama. Jadi berapakah jumlah yang diperuntukkan juga berkaitan dengan pendidikan rendah, pendidikan menengah yang melibatkan 2015 yang *compare* dengan izin, 2016, *comparison*. Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Kota Putera. Sebenarnya perbelanjaan untuk pendidikan di Negeri Terengganu ni yang kita salurkan melalui Jabatan Pendidikan ini sebagaimana yang saya beritahu tadi adalah peruntukan untuk bahan-bahan percetakan, bahan-bahan rangsangan untuk kecemerlangan Peperiksaan Awam UPSR, PT3, SPM dan juga STPM. Lain-lain perbelanjaan untuk pelajar-pelajar kita khususnya di seluruh Negeri Terengganu ini sebenarnya banyak tetapi kita menyalurkan melalui Yayasan Terengganu yang berjumlah pada tahun 2015 sahaja RM29,854,665. Ini yang melibatkan kecemerlangan pelajar-pelajar di peringkat rendah, menengah sehinggalah ke peringkat universiti. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kota Putera soalan tambahan kedua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua, selain daripada pihak sekolah kita juga tahu yang pihak PIBG juga membantu untuk kecemerlangan pelajar. Jadi biasanya kita Y.B.-Y.B. ni dimohon atau diminta oleh PIBG sebahagian peruntukan ataupun bantuan untuk kecemerlangan pelajar. Jadi apa yang saya nak tanya ini adalah ada tak peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang disalurkan *direct* kepada PIBG dan juga berapa kalau ada? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Kota Putera. Umum tu soalan tu. Nak tahu tahun 2000.....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): 2015 lah. 2016 takut takdok lagi.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, peruntukan untuk PIBG kalau untuk tahun 2015 pihak Kerajaan telah menyalurkan kepada 502 PIBG di mana setiap PIBG sebanyak RM2,000 kita masuk, kita bagi kepada PIBG, sumbangan kepada tabung dan melibatkan peruntukan sebanyak RM1,004,000 bagi keseluruhan PIBG itu tadi dan ini membantulah. Saya juga dapat tahu ada Ahli-ahli Yang BERTHORMAT yang bagi kepada PIBG-PIBG ni bukan setakat RM2,000 lebih pada tu pun ada. Dan untuk tahun 2016 peruntukan RM2,000 kepada PIBG ini akan disalurkan tetapi setakat ni kita belum menyalurkannya lagi. Peruntukan ini akan disalurkan pada tahun ini jugalah untuk

kecemerlangan melalui PIBG. Jadi yang ini boleh membantulah, Yang Berhormat tak usah susahlah. Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat nak bagi dua aje tapi tak apalah, sila Yang Berhormat Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan apa yang dicadangkan oleh Tan Sri Noh Omar supaya PIBG ini mencari dana untuk pembangunan sekolah?

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Itulah saranan kita selama ini pun. Tujuan penubuhan PIBG di sekolah-sekolah ni pertama sekali adalah untuk membantu pendidikan di setiap sekolah. Jadi dari segi kewangan kepergantungan kewangan kepada pihak Kerajaan sama ada melalui peruntukan Ahli-ahli Yang Berhormat yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri agak terhad sedangkan perbelanjaan untuk membantu pihak sekolah dari segi kecemerlangan dan juga pembentukan siasah pelajar

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, pembangunan bukan kata bantu sebahagian akademik apa, PIBG ni cari pitih nak buat sekolah, bangunan.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Nanti dulu nak cakap ni. Allah gaduhnya, gaduh sungguh Paka ni.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab *liung gitu sokmo*.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): *Hor*, macam *debbor jer*, duduk, duduk. Jadi kita menyarankan supaya PIBG ini menyumbang, bagaimana PIBG ini nak mendapat duit, nak sumbang ikut mana. Sesetengah Pengerusi tu kita tengok ada yang kalau korporat tu banyaklah yang boleh dia sumbang. Jadi kita selalu menyarankan kepada PIBG dalam perjumpaan dan sebagainya supaya PIBG juga bijak mencari kewangan sama ada melalui

koperasi PIBG ke atau sumber-sumber lain. Jadi kita galakkanlah supaya dana-dana PIBG tu banyak dan ada sekolah-sekolah yang berjaya pun dana PIBGnya banyak dan cukup untuk menyumbang di sekolah berkenaan. Terima kasih. Okey, Paka ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Alhamdulillah. Alhamdulillah wa syukurillah. Kita telah melebihi satu jam untuk sesi Soalan-soalan Lisan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mempunyai satu usul di bawah Fasal 30

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar saya habis dulu. Maka saya ingin tangguhkan

Ya, Air Putih, ada apa-apa Air Putih?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya ada Usul Di Bawah Fasal 30

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, saya juga ada Usul

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tengok Air Putih dahulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Debbor doh.* ... (Sambil gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa saya nak tengok dulu apa dia? Bentara tolong ambil.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Dokdang sokmo alik ni main tengok depan sokmo.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dah ada ke orang tengok belakang? ... (Sambil gelak)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Usul Tak Percaya Dewan ni pulak *mo'oh, debbor* pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ada menerima Cadangan Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Panjang kalau saya nak baca, beri saya masa dan saya perlu untuk membacanya dan insyaAllah, lepas rehat kita akan masuk balik

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh dok baca tajuk dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, tak ada masalah. Panjang ni, dia berkenaan dengan simptom-simptom Hepatitis B, Batuk Kokol dan sebagainya. Jadi saya nak baca dulu. [Dewan menjadi riuh]

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Ah, komang* usul gitu. ...(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak tu *dok payoh* tergepar, hak gitu tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok payoh tergepar tak apa hak gitu, khabor aje ke Menteri Kesihatan. Khabor ke Exco Kesihatan aje hak gitu tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti sabar

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ia sebenarnya pasal imunisasi dan vaksin

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Usul *guana* lagu gitu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Dok kena dok* nampak, kalau kena kan, balik nun pun kena *pah spital tu*.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Paka): Hai.... takdok arahlah Paka ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar, sabar, innallaha ma-assobirin. Saya kata *sokmo doh*, saya tak habis lagi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia banyak syak wasangka ni Dato' Yang Dipertua. Saya ingat kita tangguh dulu, kita minum dululah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Jabi.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dia usul tu biar munasabah, tahap Dewan kan. Allahu akhbar.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah munasabahlah tu, boleh melibatkan kematian dan sebagainya, apanya ada masalah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua ambil usul hak ni se lagilah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah apa hak di sebelah sana yang boleh menentukan munasabah, tak munasabah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah kita bahaslah usul ni tak apa, setuju

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah duduk, duduk, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Terima kasih. Yang Amat Berhormat

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah kalau kata tak munasabah barisan ni, dah belah kanan saya ni seorang habuk dok munasabah duduk dalam Dewan ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Jabi, duduk Jabi, duduk.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jangan kata gitu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Mintak Jabi suruh YDP dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi baju tu *colour* cantik dah. Terima kasih Jabi. Semangat ya, baru baik demam, pembedahan tak baik lagi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Patut nampak pucat aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Terima kasih. Ladang, duduk Ladang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung balik pada pukul 11.20 pagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berat *nanang*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta ya, saya kalau kali ini ada perkara-perkara yang menghentam saya, saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan.(Tepukan gemuruh dari Dewan)

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI.

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula.

Sebelum kita berhenti rehat sebentar tadi saya ada menerima Cadangan Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu yang dikemukakan oleh ADUN Air Putih yang berkenaan vaksin, kepentingan, kefahaman dan sebagainya. Setelah dibaca, setelah dibuat penilaian dan sebagainya memang ada perkara tertentu, memang ada kepentingan orang ramai dengan jelas dinyatakan. Tapi saya berpendapat perkara ini tidak perlu disegerakan kerana pihak Kementerian Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri, Majlis Fatwa telah mengambil pendekatannya. Jadi dengan itu, saya menolak usul yang dikemukakan oleh Air Putih. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU
(PINDAAN) 2016**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan serta saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Batu Rakit sebagai penyokong.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG
PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu [En.Tr.17/1360] supaya LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Batu Rakit. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, berbahas. Silakan. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Rang Undang-Undang/Enakmen yang dibentangkan baru sekejap tadi adalah bertujuan untuk memasukkan fasal '(aw)' – Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang menjadi kepadanya Tanah Rezab Melayu atau Tanah Simpanan Orang-orang Melayu Terengganu boleh dipindahkan. Kita tahu Dato' Yang Dipertua ini adalah cadangan yang diangkat untuk meminda enakmen yang sama bagi kali kedua. Pada tahun yang lalu cadangan yang sama telah

dibawa dan telah diluluskan di mana Tanah Simpanan Melayu di Terengganu telahpun boleh dipindahkan kepada Syarikat Perumahan 1Malaysia (PR1MA) dan juga Badan Perhubungan UMNO Terengganu pada tahun lalu. Dan sekarang Dewan diminta untuk memperluaskan lagi kepentingan untuk memindahkan penguasaan atas Tanah Rezab Melayu Negeri Terengganu pulak sekarang ini kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.

Dalam peluang yang ada dalam perbahasan berkenaan enakmen ini, saya nak membangkitkan beberapa perkara walaupun barangkali ini cuma sebutan dalam Dewan tapi saya rasa saya selaku ADUN Bandar dan juga mewakili Pembangkang saya mesti sebut juga perkara ini demi kepentingan Tanah Simpanan Orang-orang Melayu Terengganu atau disebut sebagai *Malay Reserved Land (The Malay Reservation)*.

Dato' Yang Dipertua, apabila sahaja kita telah meluluskan kebolehpindahan tanah ini kepada dua agensi yang sebelum pada ini iaitu; Syarikat Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Negeri Terengganu dan perkara ini telah kita luluskan bermakna Syarikat Perumahan PR1MA ini boleh dan tidak ada lagi sebab ataupun tidak ada lagi alasan untuk tidak memulakan operasi ataupun memulakan langkah ataupun perbandingan dengan negeri-negeri yang lain rumah PR1MA telahpun terbina dengan begitu banyak. Saya punya statistik dengan saya tetapi agak panjang untuk saya katakan satu persatu dan yang paling signifikan sekali di Negeri Terengganu semakan saya sehingga semalam, PR1MA belum lagi wujud di Negeri Terengganu, belum. Apatah lagi untuk membina rumah atau merancang membina rumah, syarikat itu sendiripun tidak aktif di Negeri Terengganu. Jadi saya minta penjelasan kenapakah perkara ini berlaku ataupun adakah kerana PR1MA tidak berfungsi atau tidak boleh melakukan apa-apa maka Dewan ini meminta untuk membuka ruang pula kepada satu agensi lain, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam. Kalau Ahli Dewan dan juga Pemerhati ataupun rakan-rakan yang ada dalam Dewan sekarang boleh buka dalam internet boleh tengok melalui *website*, siapakah ataupun entiti yang berada di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Swasta, boleh tengok sekarang ni tidak ada sekatan, boleh buka sekarang ni dan tengok Ahli Lembaga Pengarahnya siapa, Pengerusinya siapa dan sebagainya. Ada satu Pengerusi dan enam Ahli Lembaga Pengarah. Apabila menyebut lembaga, kedudukan ataupun status badan ini sudah tentu mempunyai autonomi-autonomi ataupun fokus-fokus tersendiri. Yang pelik kepada saya sekarang ini selepas enam bulan kita menambah satu agensi lain.

Dato' Yang Dipertua, saya tidak tahu siapa yang akan menjelas perkara ini, saya terima, kalau ada penjelasan kita terima sebab motifnya adalah untuk memperjelaskan kedudukan ini. Sekarang sekiranya Tanah Simpanan Orang-orang Melayu di Terengganu telahpun sedia ada dipindahmilik kepada sebahagiannya atau keseluruhannya atau apa sahaja kepada dua badan yang terdahulu seperti Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, katakanlah telah berlaku perpindahan sebab efektif tarikh perlaksanaannya di *backdated*, di kebelakangan dan tarikh efektif kepada PR1MA juga di kebelakangan, satu, bulan Januari, 28 haribulan dan satu lagi 11 haribulan Mac tahun yang lalu. Bermakna lebih pada setahun perkara ini telah kita wartakan sebagai berkuatk kuasa. Sudah tentu ada tanah-tanah ini telahpun dipindahmilik kepada badan-badan ini. Adakah kerana kedua-dua badan ini telah gagal ataupun tidak memenuhi peranan yang sudah ditetapkan, kita bersusah payah Dewan ini guna untuk minta persetujuan Dewan memasukkan kedua-dua badan ini tapi sekarang seolah-olah macam tidak berfungsi maka dimasukkan badan yang ketiga untuk urusan pengambilalihan ataupun pindahan hak milik Tanah Rezab Melayu ataupun Tanah Simpanan Orang-Orang Melayu di Negeri Terengganu. Tadi penjelasan, ringkasan berkenaan dengan enakmen ini tidak dijelaskan apakah sebabnya, apakah kepentingannya. Saya tak mahu sebut sangat tentang jumlah *accurage* Tanah Simpanan Melayu yang ada yang terlibat dengan ini menjadikan benda ini terlalu rumit, jadi kita tak sempat. Lagipun hari ini ada setengah hari barangkali matlamat kita nak habiskan Sidang Dewan sebelum tengah hari, barangkali. Tapi isu berkenaan Tanah Simpanan Melayu, Orang-orang Melayu di Negeri Terengganu pada saya sudahlah tidak bertambah tapi kita memperluaskan lagi potensi untuk berpindah kepada suatu badan yang kita sendiri tidak boleh mengawalinya. Kalau ikut Laporan Audit yang baru diberi ini, tahun 2015 ini, ada. Dia menyebut di sini tentang maklum balas yang diberi oleh Unit Perumahan SUK bertarikh 6hb Mac, baru lagi, baru tiga-empat bulan, ada maklumat yang SUK bagi berkenaan dengan Unit Perumahan yang fungsinya hampir sama Dato' Yang Dipertua, antara tugasnya. Kalau kita semak Dato' Yang Dipertua, fungsi ataupun objektif Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini yang kita nak pindahkan, yang membolehkan Tanah Rezab Melayu dipindahkan kepada mereka fungsinya sama. Fungsinya adalah menguruskan pinjaman perumahan untuk penjawat awam. Objektif dia, menguruskan pembiayaan perumahan awam. Sama, ada *redundancy* yang besar. Jadi pasal apa sekarang ini Kerajaan Negeri Terengganu nak pergi beri kebenaran atau menjemput atau memberi ruang yang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam di peringkat Pusat tu masuk ke Negeri Terengganu dan tanah tu

boleh dipindahkan kepada mereka. Saya peringkat pertama dulu Dato' Yang Dipertua, apabila diberi kepada PR1MA itu kita boleh rasionalkan begini, oleh kerana PR1MA ini akan mengeluarkan pelaburan, membina perumahan dari segi bahan-bahan binaan dan sebagainya, mereka memerlukan pemilikan atas tanah tersebut, okey. Barangkali kita bolehlah kata kemunasabahannya ada. Yang kedua, memasukkan di bawah '(au)', '(av)' tu Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu tu saya dah mula syak dan saya rasa perbincangan saya, rujukan saya kepada banyak ataupun ramai *stakeholder* dalam Negeri Terengganu terutama dengan pemimpin-pemimpin UMNO kawasan itu sendiri. Mereka tidak menyatakan persetujuan kerana mereka menyata tidak ada lagi *precedent case* ini untuk membuka *floodgate* kepada satu badan politik di mana Tanah Rezab Melayu itu perlu diusik dan dipindahkan kepada badan politik. Bukan soal katanya UMNO ini adalah mewakili orang Melayu, betul itu organisasi UMNO.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar bincang yang fasal mana ni? Warta mana ni, warta yang sudah diluluskan? Bandar bincang Rang Undang-Undang yang akan diluluskan hari ini ke macam mana ni?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, betul, yang sedang, sebab hari ini nak masukkan '(aw)'. Dalam enakmen yang sama dah ada pindaan '(au)' dan '(av)'. '(au)' tu Dato' Yang Dipertua memasukkan nama Badan PR1MA Malaysia. '(av)' – Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu. Sekarang ni nak masuk '(aw)'. '(aw)' yang ketiga ialah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam. Jadi saya katakan tadi pemimpin-pemimpin UMNO sendiri di peringkat kawasan-kawasan tertentu ataupun boleh saya katakan ramai ataupun kalau perlu Dewan ini saya sebutkan nama, saya boleh. Tapi saya rasa tidak perlu sebab *maudhu'nya* untuk menyatakan bahawa kebimbangan Dewan ini mewakili Pembangkang bahawa kedudukan Tanah Rezab Melayu, Orang-orang Melayu di Negeri Terengganu sebenarnya, sepatutnya tidak dibuka *floodgate* untuk perpindahan kepada badan-badan tertentu yang akhirnya kita tidak boleh mengawal, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam di Pusat, mereka mempunyai autonomi mereka sendiri. Ahli Lembaga Pengarah boleh ditukar kepada masa-masa yang mereka merasa perlu termasuk Pengerusi mereka sendiri. Jadi kita tidak nak mengulangi peristiwa Negeri Terengganu ini digunakan oleh peringkat lain. Dalam kes ini digunakan oleh peringkat Pusat untuk menjadualkan kaedah-kaedah tertentu yang mana sekarang Tanah Simpan Orang-orang Melayu walaupun dia sedikit, walaupun alasan katanya tanah ini tak banyak, ada di Hulu

Terengganu sahaja atau di mana sahaja tapi masih lagi dia menyentuh tentang kedudukan simpanan yang dikhaskan untuk orang-orang Melayu di Negeri Terengganu, Dato' Yang Dipertua. Ini lagi belum pertikaian berkenaan dengan kenapa setelah diberi hak perpindahan tadi tidak dibuat rancangan? Negeri-negeri lain Dato' Yang Dipertua, puluhan ribu rumah telah didirikan oleh PR1MA, puluhan ribu unit di negeri lain yang mana Tanah Rezab Melayu pun tak diusik langsung tapi mereka telah bina puluhan ribu unit. Kenapa di Negeri Terengganu nak kena pastikan dulu tanah ini boleh dipindah milik kepada PR1MA baru boleh nak dibuat rumah tapi sehingga sekarang tidak ada satu unit rumah pun telah dibina atas PR1MA ini di Negeri Terengganu walaupun tanah kita telah diserahkan atau dibolehkan serah milik kepada mereka. Ini sangat menyedihkan Dato' Yang Dipertua. Saya tidak ada sentimen lain tapi kalau saya nak kata saya membantah, memindah kepada satu badan politik, saya rasa semua orang membantah. Sebab itu saya ulang lagi sekali, pemimpin UMNO sendiri merasa malu apabila Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu menjadi badan yang boleh dipindahkan tanah milik Melayu kepada, dia pun rasa malu. *Bakpe* dia kata Badan Perhubungan UMNO ni berat sangat ke, *takdok pitih* ke, *takdok* apa? Maksudnya begitu tapi kita telah masukkan dalam kertas pindaan enakmen yang lalu dan telah diedarkan sebagai Warta Kerajaan. Sekarang, hari ini kita nak masukkan pula inilah, soal lembaga ini.

So, Dato' Yang Dipertua sekarang sebelum kita luluskan benda ini saya mintak, sungguh-sungguh saya mintak, ini bukan soal nak main-main, sengaja nak habiskan masa sebab kita nak berhenti awal, tidak Yang Dipertua. Saya mohon Dewan memberitahu berapakah cadangan rumah yang betul-betul nak dibina sekarang oleh ketiga-tiga badan ini, berapakah yang terlibatnya proses perundingan oleh PR1MA berapa unit? Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu berapa unit rumah untuk rakyat yang mereka (Badan Perhubungan UMNO) terlibat kerana tanah itu telah boleh dipindahmilikkan kepada mereka. Dan yang ketiga, lembaga. Lembaga berhak kita mintak mereka supaya membentangkan dulu sekurang-kurangnya ROI (*Return of Investment*) dia, nak tengok pasal dia ni bertaraf lembaga, mereka mempunyai suatu autonomi kewangan sendiri. Kita nak sebelum kita benarkan Tanah Rezab Melayu dipindahkan kepada mereka, mereka kena bentangkan kepada Dewan ke atau Kerajaan Negeri ke atas satu badan mana yang kita amanahkan untuk meneliti perkara ini supaya kita tidak kerugian dan lagi buruk lagi kita tidak kehilangan Tanah Rezab Melayu di Negeri Terengganu. Ini perkara yang maha mustahak

pada pandangan saya dan saya rasa kawan-kawan saya pun jugak bersetuju. Dato' Yang Dipertua, kita menerima Kerajaan Negeri kata nak masukkan pindaan enakmen ini perlu sangat-sangat, mustahak. Pasal apa mustahak? Adalah sebabnya oleh kerana itu kenalah beri penerangan. Dan saya rasa mustahak Dato' Yang Dipertua, lebih mustahak daripada Dewan hari ini digunakan untuk berbincang tentang Belanjawan Tambahan (*Supplementary Budget*), saya tidak di dalam kerajaan tapi saya menghubungi kawan-kawan yang berada di dalam kerajaan sekarang

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa ADUN Batu Burok dia *misleading*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bandar, Bandar.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): ADUN Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Hor.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi tujuan kita

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemasik, kejam ya. Bandar bagi celahan ke?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak apalah, kalau tak beri ke Exco kan marah pulak dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih. Dia adalah untuk membantu khususnya orang-orang Melayu kita untuk buat permohonan pinjaman dan sebagainya, itu saja. Tidak ada isu untuk mengurangkan jumlah ataupun Pegangan Tanah Melayu, tak ada. Isunya di sini ialah untuk membantu khususnya penjawat-penjawat awam memiliki tanah melalui pinjaman yang diberikan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan, itu sahaja. Okey.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, Exco beri penerangan tadi saya tak tahu dia mewakili betul kerajaan ke tidak. Kalau apa yang Exco beritahu tadi dia mengusutkan lagi keadaan. Memang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam tugas hakiki, sebenar dia, dia menguruskan sahaja, menguruskan pembiayaan maksudnya memberi pinjam. Kalau dia pemberi pinjam menggunakan satu dana lain, kenapa tanah ini nak diberi milik kepada dia seolah-olah dia nak membina rumah. Wakil Kemasik sebagai Exco sudah tentu dan mahir dalam kes-kes tanah ni kerana dia seorang yang *berterlibat* secara langsung tentang soal pemilikan dan sebagainya. Ini adalah satu *precedent* yang tidak pernah berlaku. Macam mana dia ni menguruskan pembiayaan sahaja, beri pinjam kerana orang nak beli rumah tapi sekarang ini dia bertindak seolah-olah menjadi pembina rumah kerana tanah tu kena beri hakmilik kepada dia. *None of these precedent* berlaku Dato' Yang Dipertua, dengan izin, tak pernah ada. Jadi sebab tu saya kata tadi, saya kata *maudhu'nya* ialah kita sama-sama nak pertahankan Tanah Rezab Melayu. Hari ini kita boleh katakan tak ada masalah, tak ada masalah tetapi kalau betul, katakan 50 ekar atau 100 ekar Tanah Rezab Melayu telah dipindahmilik kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam katakanlah lepas tu dia keluarkan Warta Kerajaan, dia Gazette, 10 tahun akan datang siapa yang boleh mengawal lembaga ini tidak membuat urusan dengan satu badan lain yang tidak di Negeri Terengganu ataupun mungkin tidak di Negara Malaysia. Kemungkinan ianya berlaku kerana status lembaga perlu difahami dia mempunyai satu autonomi mereka sendiri dalam membuat keputusan. Sekarang saya mintak kalau boleh, kalau ada segera ataupun Yang Berhormat Exco sebut tadi ada ke tidak negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia atau Sabah dan Sarawak pernah menawarkan Tanah Rezab Melayu di negeri masing-masing untuk atas premis yang sama, ada pernah? Kalau ada kita boleh kata ini ada *precedent case*. Jadi Terengganu buat pemindahan ini kerana ada *precedent case* yang kita tidak perlu ragu-ragu tapi sekarang tidak ada. Apatah lagi di Sabah dan Sarawak yang mempertahankan tanah adat masing-masing.

Tapi sebelum saya berhenti tadi kerana soalan Kemasik, Dato' Yang Dipertua, saya kata Dewan hari ini pada pandangan saya selalunya atas keperluan kita membawa usul untuk membincangkan tentang Belanjawan Tambahan, kerana apa? Kerana rakan-rakan kita penjawat awam, ketua-ketua kerajaan semua tahu bahawa kita memerlukan suntikan tambahan dalam perbelanjaan, kerana apa? Sebab bukan sahaja kerana ada *miscalculation* dalam pengiraan kita dulu tapi kita telah memotong perbelanjaan pada bulan tiga yang lalu. Banyak potongan belanjawan

telah dibuat dan kita ada *mismatched* dalam pengiraan pendapatan Negeri Terengganu berdasarkan kepada perolehan daripada sumber petroleum dan gas. Kita ada *mismatched*. Jadi sekarang ini apa yang berlaku sekarang ini kita memerlukan satu Belanjawan Tambahan kerana bukan kerana untuk bermewah, bukan kerana untuk membazir tapi keperluan di daerah-daerah, agensi-agensi dan sebagainya di bawah Kerajaan Negeri, memang memerlukan perkara ini. Kita cuma ada dua pilihan, membuat perbelanjaan ini secara pinjaman ataupun mengangkat di dalam Dewan untuk memohon Belanjawan Tambahan. Saya tidak ada personal dalam kes ini kepada Menteri Besar, kepada Pegawai Kewangan Negeri ke, kepada Pegawai Undang-Undang atau sebagainya, tidak. Tetapi ini adalah hakikat yang berlaku

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Bandar? Panjang dah ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit lagi. Jadi berkenaan dengan Belanjawan Tambahan ni tidak termasuk dalam

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, ni tidak ada fokus kepada tajuk kita pada hari ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul, betul. Tapi saya sebut tadi kerana kita mendahulukan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Fokus kepada Tanah Rezab, ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita mendahulukan kepada Tanah Rezab yang kita sebut tadi. Dato' Yang Dipertua, pagi tadi semasa sesi soal jawab di antara ADUN Paka dan juga Air Putih dan juga beberapa sahabat yang lain berbincang tentang PR1MA tadi yang mana pihak Kerajaan telah menjawab dengan jelas dan direkod pagi tadi bahawa Kerajaan Negeri telah mendahulukan sejumlah wang yang disebut tadi RM700 juta ataupun mungkin lebih atau kurang, *is either 5% up or 5% down*, dengan izin, tak apalah tapi ada sejumlah wang yang besar telah didahulukan daripada wang Negeri Terengganu kepada PR1MA untuk membiayai pembinaan rumah di negeri lain. *How could that happened?* Macam mana perkara ini boleh berlaku? Duit Negeri Terengganu diberi pinjam kepada PR1MA untuk bina rumah di negeri lain. Astaghfirullah-hal-azim. Kalau

orang dengar tak ke malu kita. Dahlah di Negeri Terengganu tak nak bina rumah, duit Negeri Terengganu dipinjamkan kepada PR1MA untuk bina rumah di negeri lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, 25 minit saya bagi dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dan tadi disebut dengan jelas bila kita boleh kutip balik, mintak balik duit ni yang bina rumah ni. Saya rasa Dato' Yang Dipertua, kalau rakyat Terengganu tahu, dia tak halalkan duit ni. Duit Negeri Terengganu, mereka tak ada rumah, tak dibina di Terengganu, diberi pinjam bina di tempat lain, di negeri lain, tak boleh kutip balik. *And we don't have a proper plan* untuk kutip benda ni. Ini menyedihkan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, panjang dah saya rasa. Cukup panjang dah Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu, saya biar teranglah saya kata, saya menentang

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak habis dah, kalau nak sambung lepas saya boleh sambung.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak, sebab err

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Minta maaf Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Sikit aje, tak boleh?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat, saya rasa begini, saya tak tulis teks Yang Berhormat, jadi saya takut saya jadi *mambar ke lain kekgi* ...(sambil gelak)

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Beres Bandar, tak ada masalah, tak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Bandar, *landing* dah, saya rasa panjang sangat dah. Cukup dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak buat *conclusion*. *Conclusion* saya ialah; Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya dengan ini membantah sekeras-kerasnya cadangan untuk memasukkan satu agensi baru yang bernama Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam sebagai badan yang boleh dipindahkan kepadanya Tanah Rezab Melayu Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Seterusnya saya masih buka kepada sesi perbahasan sekiranya ada. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Terima kasih atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahar enakmen yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, ringkas sahaja Yang Amat Berhormat.

Saya nak ucap terima kasih kepada Wakil Bandar. Yang sebenarnya saya bimbang, saya tak nak berucap pun tapi apa yang dibangkit oleh Bandar tadi jauh lari dan kemudian ia membawa kekeliruan yang lebih banyak kepada Ahli-ahli Dewan khususnya, saya percaya Pemerhati sekali pun.

Dato' Yang Dipertua, biar saya *keleraikan* kerana pada saya Tanah Simpan Melayu di Negeri Terengganu ini yang terlibatnya ialah di Pekan Kuala Berang sebab itu saya bangun termasuk jugak tanah rumah saya. Di Pekan Kuala Berang tu bukan semualah. Untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan, di Negeri Terengganu kita ini kita ada Tanah Simpan Melayu, Tanah Malay Reserved yang ada hanya di Pekan Kuala Berang dan yang lainnya ialah Tanah Pegangan Melayu (Malay Holding) yang 10 ekar ke bawah di seluruh negeri. Maka terpanggil saya untuk memperjelaskan yang sebenar. Kalau dikatakan Simpan Melayu ada di Kuala Berang bermakna dari sempadan yang diberi, saya tahu sempadan itu malah di luar sempadan itu tidak termasuk Tanah Simpan Melayu.

Jadi Dato' Yang Dipertua, enakmen ini bertujuan untuk memberi benar kepada lembaga yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan ini untuk membiayai bagi pembinaan rumah-rumah sektor awam. Saya tak faham, saya nampak jelaslah hari ini Wakil Bandar tidak mengutamakan penjawat awam, makna yang dia bercakap tadi. Saya minta maaf, saya tidak benarkan, saya nak perjelaskan sebab saya tak kacau Yang Berhormat cakap tadi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tadi disebutkan perkataan "tidak mengutamakan penjawat awam" itu saya bantah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jelaskan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi perkataan tadi tidak betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu, saya faham, ikut peraturan berbahas. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tadi jelas, *hansard* kita boleh ambil seolah-olah memperkecilkan usaha kerajaan memasukkan tidak kiralah tanah itu seinci, sekaki persegi ataupun 10 ekar tanah di Kuala Berang ni sebab sekarang ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Sidang Dewan sekalian, lembaga ini sebenarnya adalah lembaga yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan yang dulunya adalah badan kerajaan di bawah Treasury (Perbendaharaan) yang memberi pinjaman kepada kakitangan kerajaan termasuk rumah saya, termasuk rumah-rumah Y.B. ataupun D.O. ataupun pegawai kerajaan (Kerani) atau PAR yang di Kuala Berang itu yang meminjam pada kerajaan melalui Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan yang sekarang ini telah dilembagakan oleh Kerajaan Persekutuan maka nak dipindahkan kepada sini kalau tidak tak jadi. Itu saja isunya. *Bakpe* kita nak pergi *melawok* sampai PR1MA sampai keliru Dewan ini.

Dato' Yang Dipertua, saya jelas di sini kepentingan kerajaan kepada rakyat, Kerajaan Barisan Nasional tidak satu inci, tidak satu perkara pun tak penting. Rumah PR1MA penting, kita nak masukkan Tanah Simpan Melayu jugak boleh dibangunkan oleh PR1MA maka kita benarkan di Dewan ini, salah ke? Soal buat, tak buat tu PR1MA yang buat, PR1MA yang kira buat rumah di Kuala Berang itu, untung ke dok, boleh diberi ke dok kepada orang ramai? Kerajaan akan menyokong usaha rakyat untuk membina rumah bagi kepentingan rakyat, kalau tidak *takdok* kepentingan pulak. Begitu juga yang disebut tadi, sengaja disebut UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) parti yang berjasa, walaupun parti lain berjasa, parti kita berjasa sejak sekian lama, lebih 70 tahun. Kita jaga orang Melayu, namapun Melayu apakah tak boleh memiliki tanah di sini? Kerajaan kami melihat ini kepentingan rakyat. Dayus pulak kita kalau kita tidak mengakui perkara ini.(Tepukan sokongan)

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya sokong Dato' Ku.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ini Dato' Yang Dipertua pokoknya, kita jangan keliru

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan sikit, sikit jer?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Berilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua nak penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tolong, tolong

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Termasuk tanah di Kuala Berang hak bagi ke Cina tu ke guana hak di Bandar Kuala Berang tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, Bandar duduk, peraturan Dewan kena patuhi

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mintak laluan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bila celahan tak dibagi, kena duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Peluang saya, saya tak kacau, saya nak menjelaskan yang ini, saya tak nak keliru Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sekarang ini disebut pula, saya tak sebut, Paka sebut 'beri ke Cina' di Pekan Kuala Berang. Mari Paka, beri ke saya Tanah Rezab Melayu di Pekan Kuala Berang kalau beri kepada Minta maaf ya, kalau disebut Cina sebab disebut oleh Paka

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masalah tanah tu dikekalkan untuk orang Melayu, Rezab Orang Melayu jangan sampai bertukar tangan kepada orang lain, itu tanggungjawab sebuah kerajaan untuk jaga tanah itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah itu yang kita jaga ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya akan bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bagi! Jangan cakap sembarangan begitu. Sebagai Ketua Pembangkang saya menerima, beri kepada Speaker kita tengok. Sebab Tanah Simpanan Melayu

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab hak kita ungit dulu hak di Paka tu boleh belaka dah, dok jawab sekali habuk. Dua lot tanah di Tebing Tembah dan juga di Cacar, Paka boleh kepada bukan bumiputera.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya sebut dalam Dewan ni, dalam Dewan tak berjawab.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap, Kuala Berang duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang BERTHORMAT

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tanah UMNO sendiri tu tukar nama kepada orang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak boleh duduk, ini *floor* saya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka duduk, Kuala Berang

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Speaker benarkan, saya tak benarkan dia mencelah

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka duduk. Kuala Berang duduk. Duduk dua-dua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, sekejap Kuala Berang. Baca peraturan, ikut peraturan. Mencelah tidak dibenarkan, jangan ganggu, tidak aman. Kalau nak bahas, saya bagi ruang untuk bahas. Bahas, masa ada 15 minit. Jadi kacau, saya nak dengar siapa, nak catat siapa? Terima kasih. Sila Kuala Berang, sambung.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya beri penjelasan ini sebab *takmboh* keliru. Ya, saya tak faham, kalau yang keliru itu kita perbetulkan sepatutnya Yang Amat BERTHORMAT akan jelaskan nanti. Kita yang payah, memang

payah, soal audit, soal apa dan sebagainya yang payah kita akui yang payah. Tapi soal ini soal kepentingan rakyat, maksud saya rumah-rumah ataupun tanah-tanah yang sekarang ini contohnya berada di Bahagian Perumahan Kerajaan termasuk Perumahan Kerajaan Negeri dan sebagainya kalau dah jadi lembaga baru ini, kita automatik. *Bakpe* pulak dengan begitu sekali tunjuk kepada Dewan tidak sokong, tidak sebagainya oleh Wakil Bandar tadi seolah-olah ini perkara yang khianat yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat Terengganu. Ini yang saya nak jelaskan supaya kita jangan bawa benda yang..... Allahuakhbar. Semua kita berkepentingan untuk menjaga Negeri Terengganu, untuk menjaga rakyat Negeri Terengganu. Kalau kita tak faham kita jangan bercakap.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya harap, jelas dengan pegawai kerajaan kita jaga, dengan rakyat kita jaga. Jadi pegawai kerajaan kesianlah mereka kalaulah kita tidak luluskan atau tidak bentangkan enakmen ini, mereka kena bayar kepada pinjaman mereka

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau kesian buat apa kita pergi taja, buat rumah di negeri-negeri lain, kalau kesian kepada penjawat awam buatlah di negeri kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, ini satu lagi, Yang Dipertua dah bagi *ruling* tadi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Because*, sebabnya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Wait, wait*

Saya jawab, soal itu saya jawab Dato' Yang Dipertua. Dijelaskan oleh Wakil Kerajaan, oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi Dana Khas Kerajaan Persekutuan daripada Negeri Terengganu ini yang ditanya, yang dikata dipakai oleh negeri-negeri lain untuk membuat perumahan SPNB dan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dana itu telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. Ini tidak kena mengena, nak memperkecilkan Kerajaan Barisan Nasional seolah-olah begitu-begini hak benda yang sama. Tidak Yang Dipertua. Itu soal lain dan sangat lain. Kalau saya nak sebut benda yang lain jugak daripada isu ini jugak tadi saya seorang yang tidak buka Enakmen MAIDAM tadi seolah-olah kita ingat ke duit MAIDAM itu dengan duit ASDI, rupa-rupanya nak

suruh duit MAIDAM itu pergi ke ASDI. Saya bergurau di luar tu tadi Dato' Yang Dipertua, saya bergurau tetapi sebenarnya saya kata Yang Berhormat, duit MAIDAM ini untuk asnaf dia, duit ASDI ini orang lebih duit, orang lebih duit dia nak belanja saham. Nak tambah duit dalam ASDI supaya dia kaya lagi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *I think*, saya rasa Exco mengelirukan Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya menerangkan itu daifnya

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, kesilapan besar apabila Exco mengelirukan Dewan lebih besar daripada ADUN biasa, ADUN biasa bukan mewakili kerajaan. Tapi kalau penjawat awam, pemegang jawatan membuat ucapan mengelirukan Dewan itu salah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, mudah aje, saya dah bagi ruang yang panjang 25 minit dah tadi. *So*, saya nak minta duduk dulu sebab Kuala Berang tidak bagi laluan. Peraturan 46 jelas, ikut peraturan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi Exco menyebut tentang ASDI tadi dia kata seolah-olah saya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar!

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): mintak ASDI itu apa nama ni, zakat dipindahkan kepada ASDI itu salah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar! Ada baca peraturan tak?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Baca.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hah.... Tolong duduk.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak nak jadikan satu *precedent case* hari ini. Tolong duduk.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi Dewan hari ini

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tolong duduk Bandar.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Duduklah, duduklah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar tolong duduk.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi saya tak mahu lagi dengar

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, kalau peraturan Dewan pun tak boleh nak ikut kemudian nak suruh saya ikut, kemudian tuduh yang bukan-bukan, ini yang kita rasa marah(tepukan sokongan) Betul.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya rasa dia tak ada kesudahan kalau macam ni. Saya bawa perkara ini tadi

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bukan tak ada kesudahan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar, beri peluang kepada kawan untuk selesaikan tak ada masalah. Bagi ruang kepada kawan sebelah untuk perbincangan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, saya faham.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan 46 jelas. Saya rasa Y.B. pernah mewakili Parlimen dan sebagainya.... Tolong.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya faham tapi penjelasan yang diambil oleh Kuala Berang *to make it personal*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, duduk Bandar, *please*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi saya tak nak panjang lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pun pernah menjawat jawatan Timbalan Menteri Kewangan, saya pun pandai jugak tengok Laporan Audit, Laporan Kewangan. Saya jugak pernah berada di Parlimen, saya berkawan baik, Bandar pun pernah pergi ke pejabat saya untuk berurusan soal-soal kewangan, jadi kita tahu.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak ahli-ahli sekalian, kita cakap apa yang kita faham dan kita sokong. Soal ini kita nak membantu pegawai kerajaan, penjawat awam merencanakan kebahagiaan mereka melalui pinjaman perumahan melalui lembaga ini. Ini tujuan Kerajaan Negeri dan apakah kita salah?

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kuala Berang. Saya buka lagi. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mohon Ladang ya, patuhi masa 15 minit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak cakap lagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya khabor awal. Dia ada peraturan-peraturannya. Sila Ladang teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tak *address* ke Dato' lagi, Dato' *khabor* dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sahabat-sahabat sekalian. Saya kadang-kadang keliru jugak bukan nak tambah kekeliruan tapi biasanya Wakil Kerajaan ni dia jawab kemudian. Selepas ucapan-ucapan ni jawablah kemudian, jawablah tak ada masalah, jawablah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Boleh saya celah? Boleh saya celah dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Duduklah dulu, saya nak celah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang duduk, Kuala Berang sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya, Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih kepada Ladang nak celah sebab saya kata daripada awal-awal tadi Tanah Simpan Melayu hanya di Kuala Berang

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak.... err.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya berucap kerana nak mempertahankan Kuala Berang, orang Kuala Berang. Jadi tak perlu saya begitu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa, takdok masalah, takdok masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi apakah persoalan itu jadi kesalahan besar?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya baru nak buka mulut dah itu dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah dok kena buka. Buka molek sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, Kuala Berang, duduk Kuala Berang. Sabar, sabar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak..... Bukan.... Takdok masalah nak jawab. Sabarlah, jawab kemudianlah. Dengar saya cakap dulu, jawablah. Saya tak cakappun lagi dan yang lain-lain tak bercakappun lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak jawab, saya berbahas. Saya kata tadi saya minta perbahasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Biasanya Exco tak bahas dia jawab aje.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itu biasa, ni luar biasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah, atas Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab biasanya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh saya teruskan Yang Dipertua. Nak suruh saya duduk ke, suruh Kuala Berang duduk.(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Biar jelas molek.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagus Ladang, tadi ruang saya dah tanya tadi, Ladang bagi kan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah kawan saya duduk dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Saya ikut peraturan, kalau Ladang tak bagi, saya tak bagi. Tak apalah Paka, Paka tak payah bangunlah Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nanti dulu, doksoh cara hal orang lainlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada dua-tiga perkara yang disebut tadi. Pertamanya, tentang Tanah Simpan Melayu. Dia berbeza dengan Enakmen Tanah Simpan Orang Melayu, dua perkara yang berbeza tu. Enakmen lain, tanah.... *nature* tanah tu berbeza. Enakmen Tanah Simpan Melayu termasuk juga Malay Holding. Mintak Yang Berhormat LA beri pandangan. Enakmen Tanah Simpan Orang Melayu bukan di Kuala Berang sahaja, enakmen ini *covers* juga tanah Malay Holding (Pegangan Melayu)(Kedengaran tepukan), Okey, ni bekas PTG bercakap ni. Okey, tak ada masalah yang itu, bukan apa supaya tidak keliru. Bukan tahu belaka pun tapi bercakap apa yang kita tahulah.

Okey, jadi saya nak berbeza sikit. Saya tidak menolak tentang kepentingan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam. Cuma saya nak mintak penjelasan, bila penjawat awam nak buat rumah kalau dulu dia pinjam dengan Perbendaharaan....pinjam dengan Dato' Ku, sekarang ni dia kena pinjam dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam. Itu dasar baru. Betul dok? Dato' Ku, betul kan? Jadi kalau nak pinjam biasanya tanah itu dicagar, digadai bukan dipindah milik. Biasanya saya pinjam duit kerajaan saya nak buat rumah, saya cagar tanah, saya gadai tanah, saya tak pindah milik kepada kerajaan. Betul kan? *Simple*. Jadi saya tak nampak apa kepentingan untuk pindah milik. Jadi saya nak tanya kerajaan lagi, apakah lembaga ini ada membuat permohonan untuk membolehkannya pemegang gadai? Itu lebih penting bukan untuk pindah milik. Jadi dalam keadaan apa pun saya tak tahu dalam keadaan yang macam mana agaknya tuan tanah kena pindah milik kepada lembaga untuk buat rumah. Mintak penjelasan tapi jawablah nanti supaya kita semua dengar. Kerajaan buat begini dan Dewan buat begini kerana nak pertahankan kepentingan tanah-tanah di Negeri Terengganu.

Saya nak masuk dimensi lain sikit. Bila nak mempertahankan hak tanah orang-orang di Terengganu ini kita kena beri definisi tanah Terengganu di mana? Sempadannya di mana? Kalau di antara Kelantan dan Terengganu ada sempadan dia, kalau di Pahang ada sempadan dia. Kalau di laut sempadan dia kat mana? Sempadan Negeri Terengganu di laut tu di mana? Mengikut Akta Darurat dibuat semasa tahun 1969, tanah laut milik Terengganu hanyalah 12 batu nautika. Betul?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): 3 batu nautika.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, semasa darurat, hah.... ini kena dengar molek. Jangan canggah awal-awal. Saya ada banyak benda. Masa darurat diisytiharkan bahawa tanah milik Terengganu atau negeri-negeri ialah *12 nautical mile*. Kemudian pada tahun 2012, dibuat satu akta baru iaitu Akta Laut Wilayah 2012. Dan di situ dinyatakan bahawa Akta Darurat terbatal. Lalu dibuat peraturan baru bahawa sempadan untuk Negeri Terengganu dan negeri-negeri lain ialah cuma 3 batu nautika. Apa hak kerajaan untuk menentukan *3 nautical mile* dengan tidak merujuk kepada Dewan ataupun Kerajaan Negeri Terengganu dan juga Majlis Raja-Raja. Itu keperluan yang diminta oleh Perlembagaan Artikel 2. Perlembagaan Artikel 2

menyebut bahawa sempadan tidak boleh ubah, sempadan cuma boleh diubah dengan persetujuan daripada Kerajaan Negeri iaitu Dewan, Sidang Dewan ini dan juga oleh Majlis Raja-Raja. Tapi dalam hal ini Kerajaan Pusat tidak merujuk kepada Kerajaan Negeri. Di mana maruah kita? Ini kata nak pertahankan tanah Terengganu, tanah negeri kita, mengapa berlaku begitu? Dan apakah kerajaan sekarang bercadang untuk membantah, mengemukakan permohonan tidak setuju kepada Kerajaan Pusat dengan Akta 750 ini. Dan Akta Laut ini sangat bertentangan dengan Perlembagaan dan bertentangan dengan Kerajaan Negeri. Ini ada deklarasasi lain sebenarnya tentang sempadan-sempadan ini sebab ia berkaitan dengan minyak yang kita jumpa nanti. Dan sekali lagi saya nak bertanya kepada Kerajaan Negeri, kalau Negeri Sarawak telah membuat bantahan dalam Dewan dan Kelantan juga membuat bantahan dalam Dewannya berkenaan dengan Akta 750 ini, apakah Kerajaan Negeri juga bercadang untuk buat bantahan kepada Akta 750 ini? Saya mohon jawapan daripada Kerajaan Negeri supaya kita semua tahu. Jangan kita naif oleh kerana kita adalah satu parti yang bersamaan dengan parti di Pusat maka kita diam saja apa yang mereka buat, kita ada maruah kita. Kita di sini berkepentingan untuk menjaga kepentingan negeri dan yang berkaitan dengannya.

Jadi oleh kerana banyak benda yang saya soal tadi perlu dijawab, saya nak dengar jawapan dulu kemudian saya nak mencelah. Saya rasa tak lari daripada tajuk ini. Ya Dato', okey? Boleh? Dato' diam aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa Yang Berhormat Ladang lebih faham, apa perbincangan, perbahasan mesti merujuk kepada Rang Undang-Undang yang kita

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan terlampau jauh. Saya tak nak malukan Ladang, mudah saja

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya rasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bincang apa yang ada sekarang, kalau kita pusing terlampau banyak, jauh, jadi tak patutlah.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Izin Yang Dipertua, Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan, boleh izin Ladang? Okey Ladang, terima kasih. Pengkalan Berangan silakan.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Pengkalan Berangan): Musing jauh-jauh nampaknya, *duk round-round*, jadi melarat, jadi kesian Pemerhati-pemerhati kita jadi bingung, jadi pening. Saya ingat fokus kepada perbincangan kita iaitu kita bincang pasal enakmen ini. Kita fokuslah sama ada

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Senang aje, kalau untuk tujuan itu mudah aje, biar Yang Dipertua tegur saya, tak usah Exco-Exco yang tegur saya. Biar Yang Dipertua tegur.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya bukan nak tegur, saya nak buat peringatan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Exco ada peranan dia, Yang Dipertua ada peranan dia

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Ladang, Exco kena tegur jugak sebab Exco nak jawab pening ni. Pening nak cari jawapan untuk jawab.(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dahlah kesian dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kesian ke siapa tu?

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Jauh sangat ni. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, teruskan Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya rasa saya tidak menyeleweng dan saya beritahu tentang kepentingan Kerajaan Negeri kepada tanah-tanah kita, sempadan kita bagi rakyat Negeri Terengganu bukan orang Melayu saja, bagi rakyat Negeri Terengganu semuanya. Jadi oleh kerana nampak Yang Dipertua macam nak tegur saya aje, saya pun nak duduklah. Terima kasih banyak. Wallahu wa'alam. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullah. Terima kasih Ladang. Sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan Yang Berhormat dan Pemerhati sekalian.

Saya mungkin ambil masa sekejap sahaja. Cuma saya mahu beberapa penjelasan. Saya bimbang ada sesuatu yang tersembunyi di sebalik ubah nama daripada gadai kepada pindah milik. Apa yang saya mahu penjelasan adalah yang pertama: Seolah-olah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini tak ada duit. Jadi bila dia dapat milik tanah kita bimbang dia pergi gadai kepada bank pulak. Jadi bila berlaku begitu sudah jadi dua tingkat, pegawai kerajaan pinjam dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, lembaga pulak pergi pinjam dengan bank. Sedangkan ini sudah yang ke-49 agensi-agensi yang diluluskan di Dewan ini untuk digadai atau dipindah milik Tanah Rezab Melayu. Yang ke-49 dah. Sudah banyak bank-bank yang sebelum ini, Bank Pertanian, bermacam bank yang boleh menerima gadaian Tanah Rezab Melayu yang dilulus dalam Dewan ini dan PR1MA pun baru-baru ini. So, jadi macam..... Yalah, saya bimbang itu yang berlaku yang akhirnya bila tidak mampu bayar bank akan gadai tanah ini kepada sesiapa yang sanggup menerima gadaian tersebut. Itu satu kebimbangan yang ada dalam kepala sayalah. Jadi harap dapat dijelaskan oleh pihak kerajaan.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan sebab sudah banyak agensi yang diluluskan sebelum ini untuk menerima gadaian Tanah Rezab Melayu ini, 48 dah sebelum ini. Berapa banyak dah tanah yang telah hilang milik Melayu dan diganti

semula, berapa peratus yang diganti semula ataupun terus hilang begitu? Kita orang Melayu nak jaga tanah orang Melayu hak kita, akhirnya tinggal berapa persen. Ini yang kebimbangan-kebimbangan yang rakyat bimbang berlaku dalam negara kita. Memang kita berniat bagus nak bantu, nak majukan tanah tapi tidak ada cara lainkah? Kerajaan yang kaya-raya dengan duit royalti yang banyak untuk membantu pegawai-pegawai kerajaan membina rumah dengan pinjaman kerajaan, tak payah kita nak menyusahkan mereka gadai di bank dan sebagainya. Mesti ada satu cara kalau kita benar-benar nak membantu rakyat, mungkin dengan tubuh satu dana khas ke ataupun yayasan untuk membina rumah dan sebagainya daripada terus memaksa pegawai-pegawai kerajaan kita yang gaji tidak besar mana untuk pinjam dan risiko terkadai itu sangat besar kalau tidak mampu untuk melunaskan dalam tempoh-tempoh yang ditetapkan oleh bank mengikut terma-termannya.

Jadi itulah diantara yang saya ingin minta penjelasan dan peratusan tanah Melayu yang telah diganti balik yang hilang, yang telah terkadai atau yang berpindah milik sebelum ini dan apakah andaian saya ataupun kebimbangan saya itu akan terjadi bila Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini menggadai kepada bank dan apa kesan kepada pegawai-pegawai yang menyerah milik tanah kepada lembaga yang dimaksudkan ini. Saya rasa sekadar itu. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Y.B. Bukit Tunggal untuk turut serta di dalam Sidang Perbahasan pada tengah hari ini. Saya masih buka kepada perbahasan sekiranya ada. Kalau tak ada, saya mahu pergi kepada penggulungan oleh pihak kerajaan. Ada lagi? Okey, tak ada. Dengan ini saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Seberang Takir untuk membuat penggulungan. Dipersilakan.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, rakan-rakan media, rakan-rakan Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Sebelum saya nak menjawab soalan dan juga apa-apa isu yang telah ditimbulkan tadi, saya cuma nak tanya Yang Berhormat Dato' LA, kalau tanah yang digadai yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Tunggul tadi atas Rezab Melayu, pemilik Melayu bila dilelong dan sebagainya adakah boleh dilelong kepada orang yang bukan Melayu? Hah.... Melayu sahaja. Dia tak boleh. Jadi ini adalah peraturan. Jadi jangan bimbang bahawa apa yang kerajaan buat ini adalah memastikan bahawa kepentingan rakyat itu kita perlu utamakan.

Dan menjawab kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Wakil Bandar. Saya tak berapa faham jugak adakah Wakil Bandar dia tahu bahawa yang kita nak masukkan ini adalah kerana sebelum ini nama Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini namanya ialah Pinjaman Perumahan Negara. Jadi sekarang apabila diperbadankan, dilembagakan oleh Kementerian Kewangan yang pengerusinya adalah Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Seriga bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ahli Lembaga nya terdiri daripada:-

Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir,
Pengarah Bajet Kementerian Kewangan.

Y.Bhg. Dato' Haji Chee Pee bin Samsudin
Jabatan Akauntan Negara

Y.Bhg. Dato' Abdul Razak bin Musa
Jabatan Peguam Negara

Y.Brs. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi
(Swasta)

Y.Brs. Puan Norzilah binti Mohammed
(Exim Bank Berhad)

Y.Brs. Puan Norsimah binti Ab. Wahab
CEO

Sebenarnya bahawa sebelum ini namanya ialah Pinjaman Perumahan Negara dan apabila ditukar dan yang telah dipersetujui dan diluluskan di bawah akta baru yang dinamakan sebagai Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 yang telah digubal dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 6 April 2015 dan di Dewan Negara pada 22 April 2015. Di mana pengurusan pembiayaan perumahan kerajaan di bawah LPPSA tidak melibatkan sebarang dasar baru dan perubahan

terterma Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan tidak ada sebarang perubahan, kemudahan yang dinikmati oleh penjawat awam seperti jumlah kelayakan pinjaman, kadar faedah ke atas pinjaman perumahan sebanyak 4% dan kemudahan-kemudahan lain adalah dikekalkan. Jadi kerana itu apabila dah diaktakan maka Pinjaman Perumahan Negara maka terbatal. Maka sekarang ini kita cuma nak tukarlah maknanya dari segi terma yang sama tapi kalau kita tak tukar kesian kepada penjawat-penjawat awam kita, dia dah tak boleh lagi menggadai.

Dan saya nak jawab juga daripada Yang Berhormat DUN Ladang kerana dia katakan bahawa dalam penetapan enakmen bahawa dia kata hanyalah untuk pemilikan atau tukar milik, tidak. Dia ada empat perkara dalam Enakmen 9.1. Yang pertama ialah *transferred*, dengan izin ataupun pindah milik. Yang kedua adalah *charged*, dengan izin, atau gadai. Dan yang ketiga adalah *leased*. Dan yang keempat adalah *otherwise disposed* atau apa-apa cara sahaja yang kita nak *disposed* dengan izin. Inilah empat perkara yang ada dalam Enakmen 9.1., bukan hanya tukar milik sahaja, gadaianpun termasuk dalam Enakmen 9.1. Jadi kerana itulah maka kita bawa enakmen ini, kalau kita tak bawa enakmen ini sudah pasti penjawat-penjawat awam

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan, tentang gadai itu ada disebut di dalam ini ke?

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Ada, ada di dalam tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab saya cuma tengok di sini; '.....menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-orang Melayu boleh dipindah milik'. Jadi hujah saya berdasarkan apa yang ada ini.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Jadi kerana itu saya sebut di sini dalam 9.1. ini, yang Malay Holding Jadi kalau boleh hari ini, saya nak mintak biar Yang Berhormat Ladang dia baca yang ini, enakmen yang ada dalam ni. Dalam 9.1. dah dijelaskan belaka dalam ni. Jadi bila disebut 9.1. maka semua sekali adalah dilibatkan. Dan juga jangan bimbang kalau berlaku apabila peminjam ini tidak mampu nak menjelaskan dan terpaksa dilelong tanah tersebut

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak mintak penjelasan sikit. Biasanya kalau untuk gadai ini memadai dengan meminta kelulusan daripada Exco untuk masukkan dalam *Schedule 11*.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Hak tu lepas pada ni saya ingat Dato' LA kita kena fotostat, kena bahagi-bahagikanlah kepada semua kerana dalam enakmen ini telah menjelaskan dalam 9.1. iaitu empat perkara yang saya sebut tadi termasuk menukar milik, kemudian untuk gadaian dan juga untuk *leased* dan apa-apa sebarang yang melibatkan kepada pertukaran pemilikan. Jadi yang pertama sekali adalah

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tak untuk lain kali, contohnya kalau yang terlibat itu termasuk juga yang disebut; kepadanya ianya dipindah milik, digadai, *dileased* dan apa-apa lagi supaya kita lebih jelas.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Saya rasa dia tak payah dah sebab dia sudah memenuhi semua yang ada di dalam enakmen yang telah kita ada. Dan kerana ini adalah enakmen yang telah termaktub di dalam keputusan yang telah ditetapkan dan saya rasa ini tidak ada masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sepatutnya bekas PTG patut tahu.(Sambil gelak)

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan, penjelasan ringkas.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, biasanya, biasanya kalau untuk atau cuma gadai sahaja dia ada seksyen lain. Jadi saya tidak *aware* pulak bahawa bila pindah milik ini termasuk benda-benda tadi. Jadi kalau boleh dimaklumkan lebih baiklah.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Dia sekarang ini untuk pengetahuan bahawa yang utama sekarang ini dia kena masuk dalam senarai 9.1. ini dia mesti Malay Holding ni, dia kena sama ada yang saya sebut tadi, '*transferred* dengan izin, *charged, leased or otherwise disposed to any person not being a Malay...*'

dan ada yang seterusnya enakmen ini. Ini dah termasuk dalam kita punya ini. Jadi saya rasa tak ada masalah sebab yang ini akan dibaca sekali dengan enakmen yang ada dalam 9.1. ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan sikit. Jadi adakah bermakna sekarang sekiranya Tanah Simpanan Orang-orang Melayu ini tidak dipindah milik kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam maka lembaga ini tidak akan memberi pinjam dan membiayai siapa-siapa dari Negeri Terengganu ini nak beli rumah, adakah begitu maksudnya?

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Ya, sudah tentu. Itu memanglah dalam enakmen 9.1. yang saya sebut tadi. Jadi kalau dia termasuk dalam itu maknanya sekarang kalau kita tidak buat hari ini maknanya dia nak gadaipun tak boleh sebab enakmen 9.1. tu termasuk dalam gadaian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak mintak penjelasan LA sikit. Kalau untuk gadai sahaja dia boleh *apply* dan tak perlu kepada Dewan cuma Exco sahaja layak untuk meluluskan permohonan gadaian untuk memasukkan badan sebagai yang boleh memegang gadai, kalau untuk gadai sahaja.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Dia sekarang ini Dato' Wakil Ladang sebab pengalaman daripada PTG. Yang Exco kita luluskan ialah apabila telah dimasuk senarai, yang tak masuk senarai Exco tak boleh luluskan kerana kita lulus di bawah bidang kuasa yang telah diputuskan oleh Dewan. Kalau hari ini kita tak masuk dalam keputusan Dewan kita hari ini maka Exco pun tidak boleh buat keputusan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf, ya, bukan nak *ballah ni*, cuma kita boleh rujuk kemudian. Tapi saya nak minta penjelasan daripada LA. Dia ada dua perkara, satunya pindah milik yang mesti datang ke Dewan, kalau nak pindah milik termasuk yang empat itu mesti Dewan luluskan seperti hari ini tapi kalau hanya untuk permohonan pemegang gadai daripada sebuah syarikat bukan Melayu itu untuk pegang gadaian orang Melayu, dia hanya

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Saya nak tanya semula kepada Dato' Wakil Ladanglah. Kalau sekiranya pinjaman ini tak bayar maka tanah itu akan dilelong. Betul Wakil Ladang? Walaupun dia pinjaman kerajaan pun kalau tak bayar

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya tak pertikaikan tentang ini.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Jadi sekarang ini kalau kita tak bawa ini, macam mana hari ini dari segi pihak pinjaman di bawah kerajaan ini dia nak ada *security* dengan izin, untuk memastikan bahawa dia boleh menukar pemilikan kepada orang lain bagi orang yang tidak menjelaskan bayaran. Jadi kalau dah begitu kita tak putuskan di sini, saya yakin dan percaya bahawa Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) itu tadi dia tidak akan menerima sebab sekarang ini seolah-olah apabila dia gadai sahaja tetapi kalau orang itu tak bayar maka tanah itu tidak boleh diberi milik kepada orang lain atau diberi milik kepada LPPSA, saya yakin dan memang saya akui bahawa LPPSA tidak akan meluluskan pinjaman.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, saya bersetuju tentang itu tapi *point* saya tadi kalau hanya untuk gadai saya kata tak perlu kepada Dewan kalau gadai sahaja.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Dia begini saja Wakil Ladang, sebenarnya kita dah ada *precedent*, kita dah ada dah sebelum ini iaitu atas nama Pinjaman Perumahan Kerajaan dan telah kita luluskan sebelum ini, sekarang ini namanya nak ditukar, dah ditukar seperti yang saya sebut akta tadi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya tak ada halangan yang itu, saya setuju itu. Tak ada masalah, kita tak bercanggah tentang soal itu.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Jadi apa masalahnya sekarang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang saya sebut tadi *point of law* maknanya dari segi kalaulah bukan yang hari ini orang lain, syarikat lain contohnya

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Tak payah, kita tak bercakap pasal syarikat lain sekarang ini, kita bercakap sekarang ini ialah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang aktanya yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 6 April 2015 yang saya sebut tadi. Yang ini hanyalah mengganti Pinjaman Perumahan Negara. Yang saya dah beritahu tadi, dalam akta tadi menjelaskan bahawa syaratnya, faedahnya, segala apa terma-termannya tidak berubah, kekal, cuma nama sahaja kerana kalau kita tidak buat keputusan hari ini maka penjawat-penjawat awam yang baharu dia tak boleh lagi buat pinjaman melalui pinjaman kerajaan, mereka terpaksa pergi ke bank.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan saya kata tak setuju. Saya tidak pernah mengatakan tidak setuju.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Jadi kalau dah kata setuju, okeylah. Tak payah bahaslah, nak tanya apa lagi Wakil Ladang kalau dah setuju. Macam kita jumpa orang perempuan jugak Wakil Ladang, kalau dia kata: 'Ya', takkan kita nak tanya pulak: "*Bakpe mu nak ke aku?*" Payah jawapan. Kan jadi tak jadi pulak. Jadi hari ini kita *doksoh* banyak ceritalah hari ini. Saya ingat Wakil Ladang duduk, Wakil Bandar duduk, kita setuju demi untuk kita nak memastikan bahawa kebajikan pegawai-pegawai kerajaan kita terbela dan mereka tidak menerima masalah dan kita kena bantu mereka kerana masalah perumahan ini adalah masalah yang amat penting

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan, penjelasan....

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR:bagi kakitangan kita. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kaedah yang sama jugak digunapakai. Sama, sama

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Bandar duduk. Terima kasih Bandar. Jadi alhamdulillah, kita telah tamat untuk sesi perbahasan dan penggulungan. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan sebentar tadi. Maka dengan ini saya buka untuk undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak kepada semua Y.B. yang terlibat. Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon

mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2016.**

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, kita sudah sampai ke penghujung. Sebelum saya menangguhkan Persidangan Dewan pada hari ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbincangan, pencelahan dan sebagainya. Dan syukur alhamdulillah, apa yang saya perkatakan dan dalam ucapan saya pada awal tadi jelas menyatakan bahawa Yang Berhormat adalah orang-orang yang beriman, orang yang mempunyai *dhomef* yang baik mengikut peraturan-peraturan yang sepatutnya. Kita tidak boleh lari, mungkin apa yang saya bacakan tadi jelas:

“Sesungguhnya peringatan dan amaran yang berkesan dan mendatangkan faedah hanyalah yang engkau berikan kepada orang-orang yang sedia menurut ajaran Al-Quran serta ia takut melanggar perintah Allah Ar-Rahman semasa ia tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Allah. Oleh itu, berilah kepadanya berita yang menggembirakan dengan keampunan dan pahala yang mulia”.

Terima kasih kerana ahsanul amalan Yang Berhormat-Yang Berhormat, insyaAllah akan diberkati kehidupan nanti. InsyaAllah.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan yang mulia ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.40 TENGAH HARI.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN
WAKIL KUALA BESUT

SOALAN 1 : Berapakah bilangan peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2015 hingga ke Mei 2016?

JAWAPAN : Bilangan peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2015 hingga ke Mei 2016 adalah sebagaimana berikut :

| TAHUN | BILANGAN KEKOSONGAN | | JUMLAH |
|----------------|---------------------|----------------|---------------|
| | PORTAL | CLIENT ACCOUNT | |
| 2015 | 8,011 | 5,113 | 13,124 |
| JAN – MEI 2016 | 554 | 2,619 | 3,173 |
| JUMLAH | 8,565 | 7,732 | 16,297 |

| B I L | PEJABAT TENAGA KERJA DAERAH (PTK) | KAWASAN TANGGUNG- JAWAB | JUMLAH KEKOSONGAN | | JUMLAH |
|---------------|---|---|----------------------|-----------------|---------------|
| | | | 2015 | JAN-MEI 2016 | |
| 1 | PTK Kuala Terengganu | <ul style="list-style-type: none"> • K.Terengganu • Kuala Nerus • H.Terengganu • Marang | 7,452 | 1,082 | 8,534 |
| 2 | PTK Kemaman | Kemaman | 2,674 | 721 | 3,395 |
| 3 | PTK Dungun | Dungun | 2,321 | 868 | 3,189 |
| 4 | PTK Setiu | Besut dan Setiu | 677 | 502 | 1,179 |
| JUMLAH | | | 13,124 | 3,173 | 16,297 |

SOALAN 2 : Apakah nilai pelaburan yang telah dilaksanakan di Negeri Terengganu sejak 2014 hingga ke Mei 2015?

JAWAPAN : Nilai pelaburan yang telah dilaksanakan di negeri Terengganu sejak 2014 hingga ke Mei 2015 adalah sebanyak RM1.9 bilion. Bagi tahun 2014, nilai pelaburan adalah sebanyak RM1.5 bilion manakala bagi tahun 2015 sehingga Mei, nilai pelaburan adalah sebanyak RM0.4 bilion.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Apakah asas yang digunakan oleh Kerajaan dalam mengenakan tol ke atas pengguna di LPT2?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Nyatakan status terakhir ladang kelapa sawit milik Kerajaan Negeri Terengganu di bawah TDM Bhd. di Kalimantan, Indonesia?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah ibu bapa di negeri ini yang menolak imunisasi bagi anak-anak mereka dan apakah alasan yang diberikan?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Berapakah kos menaiktaraf Pasar Bukit Payong dan nyatakan kontraktor yang dipilih untuk melaksanakannya?

JAWAPAN : Kos yang terlibat adalah sebanyak RM496,649.00. (Termasuk 6% GST RM27,999.00).

Nama Kontraktor : AHM RESOURCES

Alamat : 1645-B, KAMPUNG SENA
RENDANG, BUKIT PAYONG,
MARANG, TERENGGANU.

Peruntukan : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan (KPKT).

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah penerima bantuan raya 2016 mengikut kategori sumbangan dan DUN?

JAWAPAN : Jumlah keseluruhan Bantuan Perayaan Aidilfitri 2016 melibatkan peruntukan sebanyak RM81,324,900.00 dan penerima berjumlah 219,761 orang. Pecahan penerima mengikut DUN adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2.

JADUAL 1: STATISTIK PENERIMA MENGIKUT DUN BAGI BANTUAN PERAYAAN AIDILFITRI TAHUN 2016

| No | DUN | PENDAPATAN RENDAH/MISKIN | | WARGAEMAS | | ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) | | DUDA/ IBU TUNGGAL | | JUMLAH | |
|----|----------------|--------------------------|-----------|-----------|----------|----------------------------|---------|-------------------|---------|--------|-----------|
| | | Bil | RM | Bil | RM | Bil | RM | Bil | RM | Bil | RM |
| 1 | KUALA BESUT | 4,895 | 1,941,800 | 971 | 29 1,300 | 469 | 140,700 | 1,267 | 472,100 | 7,602 | 2,845,900 |
| 2 | KOTA PUTERA | 4,571 | 1,806,700 | 993 | 297,900 | 585 | 175,500 | 1,280 | 470,600 | 7,429 | 2,750,700 |
| 3 | JERTEH | 3,879 | 1,529,200 | 1,058 | 317,400 | 454 | 136,200 | 1,055 | 377,300 | 6,446 | 2,360,100 |
| 4 | HULU BESUT | 4,029 | 1,597,600 | 750 | 225,000 | 424 | 127,200 | 853 | 312,800 | 6,056 | 2,262,600 |
| 5 | JABI | 4,371 | 1,736,800 | 1,054 | 316,200 | 445 | 133,500 | 944 | 346,500 | 6,814 | 2,533,000 |
| 6 | PERMAISURI | 5,208 | 2,069,600 | 1,478 | 443,400 | 476 | 142,800 | 1,009 | 372,200 | 8,171 | 3,028,000 |
| 7 | LANGKAP | 4,085 | 1,622,700 | 1,297 | 389,100 | 299 | 89,700 | 777 | 279,400 | 6,458 | 2,380,900 |
| 8 | BATU RAKIT | 3,351 | 1,331,500 | 830 | 249,000 | 301 | 90,300 | 715 | 265,700 | 5,197 | 1,936,500 |
| 9 | TEPUH | 4,973 | 1,960,100 | 1,322 | 396,600 | 413 | 123,900 | 1,206 | 422,900 | 7,914 | 2,903,500 |
| 10 | TELUK PASU | 4,576 | 1,808,900 | 1,049 | 314,700 | 443 | 132,900 | 874 | 317,700 | 6,942 | 2,574,200 |
| 11 | SEBERANG TAKIR | 3,062 | 1,200,700 | 640 | 192,000 | 323 | 96,900 | 802 | 294,800 | 4,827 | 1,784,400 |
| 12 | BUKIT TUNGGAL | 3,027 | 1,182,600 | 788 | 236,400 | 347 | 104,100 | 794 | 280,400 | 4,956 | 1,803,500 |
| 13 | WAKAF MEMPELAM | 4,223 | 1,654,800 | 1,244 | 373,200 | 461 | 138,300 | 1,151 | 420,000 | 7,079 | 2,586,300 |
| 14 | BANDAR | 1,988 | 776,600 | 527 | 158,100 | 243 | 72,900 | 556 | 196,900 | 3,314 | 1,204,500 |
| 15 | LADANG | 2,690 | 1,041,500 | 910 | 273,000 | 309 | 92,700 | 896 | 319,200 | 4,805 | 1,726,400 |
| 16 | BATU BURUK | 4,757 | 1,857,100 | 1,407 | 422,100 | 494 | 148,200 | 1,273 | 457,800 | 7,931 | 2,885,200 |
| 17 | ALUR LIMBAT | 4,661 | 1,842,000 | 1,290 | 387,000 | 512 | 153,600 | 1,077 | 379,700 | 7,540 | 2,762,300 |

| | | | | | | | | | | | |
|---------------------------|--------------------|----------------|-------------------|---------------|------------------|---------------|------------------|---------------|-------------------|----------------|-------------------|
| 18 | BUKIT PAYUNG | 3,739 | 1,478,000 | 1,124 | 337,200 | 402 | 120,600 | 868 | 313,300 | 6,133 | 2,249,100 |
| 19 | RHU RENDANG | 4,558 | 1,798,200 | 862 | 258,600 | 627 | 188,100 | 1,303 | 462,000 | 7,350 | 2,706,900 |
| 20 | PENGKALAN BERANGAN | 5,949 | 2,360,000 | 1,359 | 407,700 | 481 | 144,300 | 1,277 | 448,200 | 9,066 | 3,360,200 |
| 21 | TE LEMUNG | 4,196 | 1,659,000 | 1,210 | 363,000 | 360 | 108,000 | 833 | 295,100 | 6,599 | 2,425,100 |
| 22 | MANIR | 3,020 | 1,194,300 | 784 | 235,200 | 276 | 82,800 | 654 | 237,000 | 4,734 | 1,749,300 |
| 23 | KUALA BERANG | 2,890 | 1,131,400 | 972 | 291,600 | 357 | 107,100 | 725 | 262,800 | 4,944 | 1,792,900 |
| 24 | AJIL | 5,14-5 | 2,041,700 | 984 | 295,200 | 516 | 154,800 | 1,113 | 407,700 | 7,758 | 2,899,400 |
| 25 | BUKIT BESI | 3,407 | 1,347,400 | 811 | 243,300 | 322 | 96,600 | 844 | 302,900 | 5,384 | 1,990,200 |
| 26 | RANTAU ABANG | 4,437 | 1,760,100 | 981 | 294,300 | 422 | 126,600 | 1,097 | 395,700 | 6,937 | 2,576,700 |
| 27 | SURA | 2,944 | 1,153,500 | 764 | 229,200 | 328 | 98,400 | 1,000 | 360,000 | 5,036 | 1,841,100 |
| 28 | PAKA | 6,597 | 2,620,400 | 597 | 179,100 | 565 | 169,500 | 1,301 | 475,000 | 9,060 | 3,444,000 |
| 29 | KEMASIK | 4,767 | 1,890,200 | 583 | 174,900 | 354 | 106,200 | 1,090 | 382,700 | 6,794 | 2,554,000 |
| 30 | KIJAL | 4,903 | 1,944,600 | 685 | 205,500 | 380 | 114,000 | 1,172 | 429,300 | 7,140 | 2,693,400 |
| 31 | CUKAI | 5,835 | 2,288,800 | 1,072 | 321,600 | 479 | 143,700 | 1,346 | 468,600 | 8,732 | 3,222,700 |
| 32 | AIR PUTIH | 8,085 | 3,198,300 | 1,195 | 358,500 | 594 | 178,200 | 1,980 | 698,700 | 11,854 | 4,433,700 |
| Jumlah Keseluruhan | | 138,818 | 54,826,100 | 31,591 | 9,477,300 | 13,461 | 4,038,300 | 33,132 | 11,925,000 | 217,002 | 80,266,700 |

**JADUAL 2: STATISTIK (PERMOHONAN RAYUAN) MENGIKUT DUN
BAGI BANTUAN PERAYAAN AIDILFITRI TAHUN 2016**

| No | DUN | PENDAPATAN | | WARGAEMAS | | ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) | | DUDA/IBU TUNGGAL | | Jumlah | |
|----|-----------------|------------|--------|-----------|-------|----------------------------|-------|------------------|-------|--------|--------|
| | | Bil | RM | Bil | RM | Bil | RM | Bil | RM | Bil | RM |
| 1 | KUALA BESUT | 131 | 52,300 | 4 | 1,200 | 2 | 600 | 22 | 7,800 | 159 | 61,900 |
| 2 | KOTA PUTERA | 128 | 50,500 | 11 | 3,300 | 2 | 600 | 22 | 8,200 | 163 | 62,600 |
| 3 | JERTEH | | 28,400 | 11 | 3,300 | 3 | 900 | 22 | 8,300 | 108 | 40,900 |
| 4 | HULU BESUT | 121 | 47,700 | 4 | 1,200 | 0 | 0 | 21 | 7,500 | 146 | 56,400 |
| 5 | JABI | 66 | 26,400 | 6 | 1,800 | 1 | 300 | 17 | 6,100 | 90 | 34,600 |
| 6 | PERMAISURI | 88 | 34,900 | 4 | 1,200 | 1 | 300 | 15 | 5,400 | 108 | 41,800 |
| 7 | LANGKAP | 23 | 9,200 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 600 | 25 | 9,800 |
| 8 | BATU RAKIT | 39 | 15,400 | 1 | 300 | 0 | 0 | 8 | 2,900 | 48 | 18,600 |
| 9 | TEPUH | 85 | 33,400 | 3 | 900 | 2 | 600 | 23 | 8,800 | 113 | 43,700 |
| 10 | TELUK PASU | 56 | 22,300 | 2 | 600 | 0 | 0 | 10 | 3,500 | 68 | 26,400 |
| 11 | SEBERANG TAK IR | 119 | 46,600 | 17 | 5,100 | 4 | 1,200 | 26 | 9,700 | 166 | 62,600 |
| 12 | BUKIT TUNGGAL | 45 | 17,300 | 1 | 300 | 0 | 0 | 16 | 5,300 | 62 | 22,900 |
| 13 | WAKAF MEMPELAM | 75 | 29,700 | 3 | 900 | 3 | 900 | 8 | 3,200 | 89 | 34,700 |
| 14 | BANDAR | 24 | 9,600 | 0 | 0 | 1 | 300 | 7 | 2,600 | 32 | 12,500 |
| 15 | LADANG | 84 | 33,200 | 5 | 1,500 | 3 | 900 | 2 | 8,100 | 114 | 43,700 |
| 16 | BATU BURUK | 111 | 43,600 | 4 | 1,200 | 0 | 0 | 20 | 7,400 | 135 | 52,200 |

| | | | | | | | | | | | |
|---------------------------|-------------------|--------------|----------------|------------|---------------|-----------|---------------|------------|----------------|--------------|------------------|
| 17 | ALUR LIMBAT | 54 | 21,300 | 1 | 300 | 0 | 0 | 19 | 6,500 | 74 | 28,100 |
| 18 | BUKIT PAYUNG | 39 | 15,500 | 0 | 0 | 0 | 0 | 9 | 3,300 | 48 | 18,800 |
| 19 | RHU RENDANG | 54 | 21,400 | 3 | 900 | 2 | 600 | 32 | 11,700 | 91 | 34,600 |
| 20 | PENKALAN BERANGAN | 77 | 30,400 | 0 | 0 | 0 | 0 | 23 | 8,400 | 100 | 38,800 |
| 21 | TELEMUNG | 57 | 22,500 | 2 | 600 | 1 | 300 | 7 | 2,500 | 67 | 25,900 |
| 22 | MANIR | 25 | 9,800 | 2 | 600 | 0 | 0 | 5 | 2,000 | 32 | 12,400 |
| 23 | KUALA BERANG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 300 | 1 | 300 |
| 24 | AJIL | 29 | 11,200 | 0 | 0 | 5 | 1,500 | 5 | 1,800 | 39 | 14,500 |
| 25 | BUKIT BESI | 62 | 24,500 | | 1,800 | 1 | 300 | 12 | 4,300 | 81 | 30,900 |
| 26 | RANTAU ABANG | 87 | 34,200 | 3 | 900 | 3 | 900 | 15 | 5,500 | 108 | 41,500 |
| 27 | SURA | 56 | 22,200 | 5 | 1,500 | 1 | 300 | 11 | 4,100 | 73 | 28,100 |
| 28 | PAKA | 137 | 53,900 | 2 | 600 | 8 | 2,400 | 26 | 9,400 | 173 | 66,300 |
| 29 | KEMASIK | 9 | 3,600 | 0 | 0 | 1 | 300 | 2 | 700 | 12 | 4,600 |
| 30 | KIJA L | 42 | 16,700 | 3 | 900 | 5 | 1,500 | 4 | 1,600 | 54 | 20,700 |
| 31 | CUKAI | 56 | 22,200 | 2 | 600 | 2 | 600 | 5 | 1,700 | 65 | 25,100 |
| 32 | AIR PUTIH | 67 | 26,400 | 7 | 2,100 | 19 | 5,700 | 22 | 8,100 | 115 | 42,300 |
| Jumlah Keseluruhan | | 2,118 | 836,300 | 112 | 33,600 | 70 | 21,000 | 459 | 167,300 | 2,759 | 1,058,200 |

SOALAN 3 : Adakah fatwa pengharaman vape telah dilaksanakan dan berapakah kes penjual dan pengguna yang telah dikenakan tindakan. Bagaimana status penjualan vape di Terengganu sehingga Julai 2016?

JAWAPAN : Fatwa pengharaman vape adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu.

Di Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, hasil bancian/status penjualan rokok elektrik pada Januari 2016 adalah sebanyak 20 penjual. Walau bagaimanapun, sehingga Julai 2016 masih terdapat lebih kurang 8 penjual yang masih beroperasi. Pihak MBKT dalam proses mengambil tindakan penguatkuasaan dan sehingga kini tiada penjual dan pengguna yang dikenakan tindakan.

Di Majlis Daerah Hulu Terengganu, terdapat dua (2) pengusaha vape yang beroperasi sebagaimana di bawah:

| BIL | NAMA PENGUSAHA | ALAMAT PREMIS |
|------------|--|--|
| 1 | GVH KUALA BERANG | No.428, Jalan Rumah Murah, 21700 Kuala Berang |
| 2 | QBER VAPE Mohamad Syahrin bin Mat Hussien | Tingkat Atas, Bangunan Arked MARA, 21700 Kuala Berang. |

Bagi daerah-daerah lain tiada premis perniagaan vape dijalankan.

SOALAN 4 : Adakah Kerajaan Negeri memastikan langkah mewajibkan doktor perempuan sahaja menyambut kelahiran di hospital atau klinik di negeri Terengganu dan apakah usaha yang dilakukan bagi menjayakan langkah ini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Sila nyatakan loji-loji air yang membekalkan air bersih yang beroperasi dan adakah pihak kerajaan bercadang untuk membina loji yang baru. Kenapakah bekalan air bersih sentiasa bermasalah pada hari-hari perayaan?

JAWAPAN : Kesemua loji yang beroperasi adalah seperti berikut:-

| | | |
|------------------|---|----------------|
| a) Kemaman | : | 2 buah |
| b) K. Terengganu | : | 3 buah |
| c) Dungun | : | 2 buah |
| d) Ketengah | : | 1 buah |
| e) H. Terengganu | : | 2 buah |
| f) Besut | : | 1 buah |
| g) Setiu | : | 1 buah |
| Jumlah | : | 12 buah |

Kerajaan telah melantik syarikat bagi membina sebuah loji baru di Kuala Terengganu / Kuala Nerus yang mana dijangka siap dan beroperasi pada Jun 2019 dan daerah Kemaman kerajaan juga telah melantik syarikat untuk mempertingkatkan lagi keupayaan loji sedia ada dan dijangka siap dan beroperasi pada Disember 2018.

Loji sedia ada yang dibina pada tahun 1954 (Losong), 1988 (Kepong I) dan 2004 (Kepong II) tidak lagi mampu menampung permintaan di musim perayaan terutama di Daerah Kuala Terengganu dan Marang. Ketiga-tiga loji sedia ada di daerah Kuala Terengganu tidak lagi mempunyai rezab kapasiti mencukupi berbanding permintaan terutama di musim perayaan, meningkat satu(1) kali ganda dan beroperasi melebihi kapasiti rekabentuk. Masih terdapat banyak paip-paip lama bersaiz kecil dan lemah struktur menyebabkan selalu berlaku paip pecah. Pembangunan dan permintaan yang semakin meningkat tidak selari dengan saiz paip dan kapasiti loji sedia ada.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN
WAKIL ALUR LIMBAT

SOALAN 1 : Nyatakan kawasan-kawasan yang telah diliputi oleh talian jalur lebar Unifi di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Antara kawasan-kawasan yang telah diliputi oleh talian jalur lebar Unifi di Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:-

| No. | Lokasi | Status |
|-----|--|------------------|
| 1. | Teluk Kalong, Kemaman | Siap 2012 |
| 2. | Kemasik, Kemaman | Siap 2015 |
| 3. | Chukai, Kemaman | Siap 2015 |
| 4. | Hiliran, Chendering | Siap 2015 |
| 5. | Kuala Berang, Bkt. Payong Kerteh, Paka, Kg. Raja | Jangka siap 2016 |
| 6. | Dungun, Jerteh, Marang | Jangka Siap 2017 |
| 7. | Gong Badak, Kuala Nerus | Jangka Siap 2019 |

SOALAN 2 : Nyatakan status talian komunikasi telefon mudah alih di Hulu Dungun, Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT
WAKIL CHUKAI

SOALAN 1 : Mengapakah Pelabuhan Kemaman memberi kebenaran semula kepada syarikat bauksit untuk mengeksportnya melalui Pelabuhan Kemaman?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
WAKIL TELUK PASU

SOALAN 1 : Apakah masalah yang berbangkit dalam Projek Pembinaan Masjid Kampung Kebor Air sehingga tidak dapat diserahkan kepada penduduk tempatan mengikut jadual yang ditetapkan?

JAWAPAN : Dari sudut kontrak, Projek Pembinaan Masjid Kampung Kebor Air ini dibenarkan dibina dalam tempoh berdenda sehingga projek siap sepenuhnya. Kedudukan terkini pembinaan masjid ini adalah masih berbaki kerja-kerja kemas akhir yang perlu disiapkan sebagaimana keperluan spesifikasi dan lukisan kontrak.

Tindakan ke arah penyiapan projek ini oleh pihak kontraktor yang dilantik masih berterusan dan keputusan daripada koordinasi terakhir yang dibuat bersama, pihak kontraktor memberi jaminan bahawa projek akan disiapkan pada 30 Julai 2016. Jabatan akan membuat pemeriksaan dan menjalankan testing and commissioning dalam tempoh dua (2) minggu sebelum serahan dibuat kepada pihak Pejabat Agama Islam Negeri Terengganu selaku pejabat pelanggan.

Masjid ini dijangka dapat digunakan pada pertengahan Ogos 2016.

SOALAN 2 : Apakah syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh kerajaan dalam kes kebakaran rumah kediaman yang disewa. Adakah tuan rumah berhak mendapat bantuan dan peruntukan daripada kerajaan?

DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM
WAKIL TEPOH

SOALAN 1 : Pohon senaraikan berapakah jumlah kos perbelanjaan penyediaan 12,000 pek nasi dagang yang dikatakan terpanjang dalam Malaysia Book of Record? Apakah hasil yang diperolehi melalui pelaksanaan acara ini untuk kepentingan kerajaan negeri?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan, berapakah kos penyediaan produk pelancongan lampu dan air pancut bermuzik di Taman Tamadun Islam, bilakah ia bermula dan apakah jangkaan hasil yang diperolehi oleh pihak kerajaan negeri melalui program ini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Pohon dimaklumkan, berapakah bilangan rakyat Terengganu yang dikategorikan sebagai penganggur sehingga Jun 2016? Pohon dinyatakan mengikut rekod siswazah atau bukan siswazah dan jantina?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Pohon penjelasan, apakah faktor dua kawasan utama di Terengganu iaitu Seberang Takir dan Gong Badak disifatkan sebagai lokasi kronik penagihan dadah seperti yang telah didedahkan oleh Berita Harian pada 14 Julai 2016?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(l) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Sila nyatakan tempoh jangkaan siap pembinaan Litar Lumba Permotoran Terengganu, kos pembinaan dan komponen-komponen yang dilengkapkan dalam litar ini?

JAWAPAN : Tempoh jangkaan siap pembinaan Litar Lumba Permotoran Terengganu adalah selama 11 bulan iaitu pada 20.11.2016 dengan kos pembinaan RM12,685,193.73.

Komponen yang terlibat:-

1. Pembinaan Litar Cup Prix sepanjang 1.25km
2. Pembinaan Litar Sprint Test sepanjang 1.00km
3. Pembinaan Grand Stand sebanyak 3 unit
4. Pembinaan Spectator's sebanyak 4 unit; dan
5. Pembinaan Trek Driff

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HAFANDI BIN WAN NIK
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Berapakah kos bagi menambak Pantai Telok Lipat, Dungun yang mengalami hakisan pada penghujung tahun 2015 dan nyatakan sumber peruntukan tersebut?

JAWAPAN : Kos menambak Pantai Teluk Lipat, Dungun ialah berjumlah RM4,477,440.00 yang melibatkan kawasan kritikal sahaja sepanjang 420m, Sumber Peruntukan adalah dari Kerajaan Persekutuan.

SOALAN 2 : Berapakah hasil pendapatan Majlis Perbandaran Dungun dari pelbagai sumber bagi tahun 2015?

JAWAPAN : Jumlah hasil pendapatan Majlis Perbandaran Dungun dari pelbagai sumber sepanjang tahun 2015 adalah seperti di bawah:-

HASIL CUKAI:-

i. Cukai Langsung = **RM8,984,405.07**

HASIL BUKAN CUKAI :-

i. Lesen dan Permit = RM1,000,107.80
ii. Bayaran Perkhidmatan = RM1,222,533.48
iii. Perolehan dari Jualan = RM148,111.10
iv. Sewaan = RM3,696,132.41
v. Faedah & Perolehan dari = RM420,535.58

| | | |
|---------------------------------|---|-----------------------|
| Pelaburan | = | |
| vi. Denda dan Hukuman | = | RM230,304.97 |
| vii. Terimaan Lain | = | RM190,836.05 |
| JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI | = | RM6,908,562.39 |

TERIMAAN BUKAN HASIL:-

| | | |
|--------------------------------------|---|------------------------|
| i. Terimaan daripada Agensi Kerajaan | = | RM4,853,353.00 |
| ii. Pendapatan Tertunda | = | RM1,716,647.20 |
| | = | RM6,570,000.20 |
| JUMLAH KESELURUHAN | = | RM22,462,967.66 |

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kemalangan maut yang melibatkan penunggang motosikal di Negeri Terengganu bagi tahun 2015 mengikut pecahan daerah dan apakah langkah-langkah mengatasinya?

JAWAPAN : Statistik kemalangan maut yang melibatkan penunggang motosikal di Negeri Terengganu bagi tahun 2015 adalah:-

| Bil. | Daerah | Kemalangan Maut |
|---------------|------------------|-----------------|
| 1. | Kuala Terengganu | 6 kes |
| 2. | Besut | 5 kes |
| 3. | Dungun | 4 kes |
| 4. | Kemaman | 4 kes |
| 5. | Marang | 4 kes |
| 6. | Setiu | 0 |
| 7. | Hulu Terengganu | 2 kes |
| Jumlah | | 25 kes |

Langkah-langkah mengatasi

Dalam konteks PDRM Kontinjen Terengganu dua (2) langkah mengatasi:-

1. Melalui **kempen dan pameran keselamatan jalan raya** semasa program bersama masyarakat, program belia, jabatan kerajaan/swasta dan institusi pendidikan.
2. **Ceramah kesedaran** dan keselamatan di jalan raya bersama program belia dan institusi pendidikan.
3. Mengadakan **operasi penguatkuasaan** yang berterusan khususnya ke atas pengguna motosikal yang sering melakukan kesalahan lalulintas dan tidak ikut peraturan lalulintas semasa berada di jalan raya.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jenis-jenis pembayaran yang dikenakan oleh Syarikat Air Terengganu (SATU) kepada pemiik kediaman untuk mendapat bekalan air bersih?

JAWAPAN : Bayaran-bayaran yang dikenakan oleh SATU adalah sebagaimana yang digariskan di dalam Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fid an Caj Perkhidmatan Air) 2014. Bayaran-bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- a) Deposit - Bergantung kepada kategori
 - i. Kediaman
 - ii. Komersial dan Industri
 - iiii. Sosial
 - iv. Institusi kerajaan & organisasi tanpa untung
- b) Fi Pemasangan Meter – Mengikut saiz meter
- c) Sumbangan modal – bergantung kepada jenis premis & kos rumah / komersial

- Pengecualian
- a. Skim Perumahan Kos Rendah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri
 - b. Pemilik rumah individu berharga kurang RM70,000.00
 - c. Tempat ibadat dan bangunan institusi keagamaan
 - d. Pusat komuniti
- d) Duti Setem - Perjanjian di antara pemilik premis dan SATU

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 8 OGOS 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN
WAKIL RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Apakah perancangan kerajaan kepada tanah di Kg Paya Balai Besar dan Pengkalan Jering, Gong Pasir. Sekiranya diagihkan kepada penduduk, berapakah jumlah lot-lot yang telah diagihkan kepada rakyat dan berapa yang masih berbaki?

JAWAPAN : Untuk makluman, tanah di Kg. Paya Besar Balai Besar dan Pengkalan Jering, Gong Pasir ini dijadikan sebagai kawasan penempatan sebagaimana keputusan MMKN 538/2003 bertarikh 16 April 2003 dan MMKN 397/1994 bertarikh 09 Mac 1994. Setakat ini bagi Kg. Paya Balai Besar keseluruhan jumlah lot adalah sebanyak **758** lot. Jumlah yang telah diluluskan adalah **358** lot dan masih berbaki **400** lot.

Manakala jumlah keseluruhan lot bai RTB Pengkalan Jering adalah **308** lot. Jumlah yang telah diluluskan adalah **246** lot dan masih berbaki bagi proses pengisian adalah **62** lot.

Selain daripada itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam melaksanakan perancangan banjir tempatan di kawasan berkenaan.

SOALAN 2 : Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di kampung pinggir sungai seperti Kg Binjai Che Lijah, Serdang, Keliyu, Delong, Burung Baru dan Padang Pulut. Bilakah ia akan dilaksanakan?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri sedia maklum mengenai kejadian banjir di kawasan tersebut yang berlaku akibat dari limpahan air Sungai Dungun.

Bagi mengurangkan kejadian banjir, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di kawasan tersebut telah dirancang untuk dilaksanakan dan telah dipohon di dalam RMK 11 (2016-2020) dengan anggaran kos RM20 juta melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Namun sehingga kini belum diluluskan.

Kerajaan Negeri ada perancangan untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di kawasan-kawasan tersebut dan telah dipohon sumber peruntukan melalui RMK-11 dengan kos RM20 juta. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih dalam pertimbangan.

SOALAN 3 : Merujuk mangsa korban terbaharu di kawasan Air Terjun Lubuk Kain Kampung Shukur Hulu Dungun, mangsa seorang pemuda Yusof Bulhayat 24 tahun daripada Kemaman (merujuk laporan akhbar Sinar Ahad 17 Julai 2016). Apakah tindakan SEGERA bakal diambil untuk mencegah kejadian korban di kawasan ini? Berapakah jumlah mangsa yang terkorban sepanjang kawasan dibuka?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (2)(l) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.